



Jumlah Ahli Parlimen BN tak percaya Najib

Azmin: Biarlah rahsia!

KUALA LUMPUR - Ahli Parlimen Gombak, Mohamed Azmin Ali menegaskan jumlah Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang akan menyokong undi tidak percaya terhadap Datuk Seri Najib Razak perlu dirahsiakan.

"Adalah (jumlah Ahli Parlimen BN sokong undi tak percaya), ini strategi. Kita sedar perlukan jumlah selesa untuk menjayakan gerakan ini dan sedang berusaha untuk itu.

LIHAT MUKA 5



Gambar oleh Asrie Sapfie

Unjur defisit RM8 bilion lebih rendah berbanding BN

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA LUMPUR - Pakatan Harapan (Pakatan) membentangkan Belanjawan Alternatif 2016 dengan unjuran defisit lebih rendah iaitu RM8 bilion berbanding Kerajaan Barisan Nasional (BN).

Unjuran fiskal pendapatan Kerajaan BN dianggarkan RM237 bilion dengan perbelanjaan RM275 bilion, manakala Pakatan pula dianggarkan RM208 bilion dan

RM238 bilion (perbelanjaan).

Sementara itu, nisbah hutang Keuntungan Dalam Negara Kasar (KDNK) pula menyaksikan 31.7 peratus dicatatkan BN, manakala Pakatan (2.48%).

Peluncuran Belanjawan Alternatif 2016 itu berlangsung di Bilik Taklimat Parlimen dipengerusikan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bersama Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu dan Pemang-

ku Pengerusi DAP, Tan Kok Wai.

Peluncuran Belanjawan Alternatif 2016 memfokuskan mengelakkan krisis ekonomi terus melanda negara dengan lima langkah bagi mengelakkan krisis ekonomi.

Langkah itu bagi memulihkan keyakinan pasaran, menyediakan bantuan kewangan kepada rakyat dan perniagaan, menutup ketirisan juga melaksanakan disiplin fiskal serta meningkatkan perbelanjaan pembangunan.

Nisbah hutang Keuntungan Dalam Negara Kasar (KDNK) pula menyaksikan 31.7 peratus dicatatkan BN, manakala Pakatan (2.48%).

Pisahkan portfolio PM dan Kementerian Kewangan

Elak pemusatan kuasa

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA LUMPUR - Pakatan Harapan (Pakatan) menggesa portfolio Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dipisahkan bagi menghindarkan pemusatan kuasa melampau kepada satu individu.

Selain itu, Parlimen perlu bertindak bagi mengawal selia dana pelaburan negara untuk meningkatkan kebertanggungjawaban.

Gesaan itu dikemukakan dalam Belanjawan Alternatif 2016 yang dilancarkan di Parlimen bagi memastikan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB)

tidak berulang, di sini, pada 21 Oktober lalu.

Pakatan juga mahu Datuk Seri Najib Razak meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri serta menempatkan 1MDB di dalam pentadbiran bagi memulihkan keyakinan pasaran terhadap ekonomi negara.

"Pakatan meminta pertolongan Interpol dan badan kawal selia negara lain untuk mengenalpasti, membekukan serta memulangkan aset dicuri ke Malaysia," katanya dalam buku Belanjawan Alternatif 2016.

Belanjawan Pakatan mengesyorkan kebertanggungjawaban

dan kebebasan penuh diserahkan kepada parlimen terhadap badan penguatkuasa seperti Peguam Negara, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), bahkan lantikan terhadap jawatan itu perlu dilakukan bukan secara politik.

Kekalkan Zeti dua tahun lagi

KUALA LUMPUR - Pakatan Harapan (Pakatan) menyokong Tan Sri Zeti Akhtar Aziz untuk terus kekal sebagai Gabenor Bank Negara untuk dua tahun lagi.

Sokongan itu dizahirkan kerana sikap beliau dilihat bebas dan tidak berat sebelah dalam menangani skandal kewangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang menyerlahkan keupayaannya menguruskan hal ehwal kewangan negara.

Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli, berkata negara sebenarnya berhadapan masalah kepimpinan dan perletakan jawatan Datuk Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri mampu mengangkat semula nilai ringgit.

"Sekarang keyakinan umum hilang. Kita memerlukan orang berpengalaman untuk keluar daripada kemelut ekonomi.

"Zeti melakukan tugas dengan baik kecuali 1MDB. Beliau perlu kekal untuk meningkatkan prestasi ekonomi negara," katanya ketika menjawab persoalan mengapa secara tiba-tiba pembangkang menyokong Zeti Akhtar kekal selaku Gabenor Bank Negara.

Langkah pengekalan beliau adalah antara inisiatif untuk memulihkan keyakinan pasaran yang dinyatakan dalam Belanjawan Alternatif Pakatan 2016 ekoran tempoh akhir perkhidmatan Zeti berakhir, pada 13 April 2016.



Speaker renyuk kertas usul gantung Kit Siang

KUALA LUMPUR - Notis pemberitahuan usul yang mencadangkan Ahli Parlimen Gelang Patah, Lim Kit Siang digantung ditarik balik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Azalina Othman Said menarik usul dalam Dewan Rakyat selepas diarahkan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Ia berikutan beberapa wakil rakyat dalam dewan mempertikaikan notis itu atas alasan Kit Siang belum memberi penjelasan berkenaan dakwaannya terhadap Pandikar, namun ia sudah dikeluarkan.

"Saya tarik kembali pemberitahuan usul tapi saya nak bagi tahu Lim Kit Siang bahawa beliau mempunyai (masa) semalam untuk tarik balik, tetapi dia tidak buat.

"Dia sepatutnya kena menghormati kerusi Speaker. Yang Berhormat (Kit Siang) sebagai orang lama bertanggungjawab untuk berperangai elok dalam Dewan Rakyat," katanya, di sini, pada 21 Oktober lalu.

Insiden berkenaan menimbulkan sedikit kekecohan di Dewan Rakyat hingga mengakibatkan campur tangan Pandikar.

Beliau menegaskan bahawa notis itu hanya pemberitahuan untuk membahaskan kedudukan Ahli Parlimen Gelang Patah jika beliau gagal menarik kembali dakwaannya.

"Itu hanya notis pemberitahuan sahaja. Ia tidak diterima dan belum pun dibahas. Ia boleh saya buang," katanya sambil menyenyapkan notis yang berada di tangannya.

Sabah, Sarawak dapat 20% royalti minyak dan gas

KUALA LUMPUR - Hasrat Kerajaan Sabah dan Sarawak menikmati 20 peratus royalti minyak dan gas tertunai jika Pakatan Harapan (Pakatan) diberi mandat menerajui Putrajaya.

Belanjawan Alternatif 2016 menyatakan royalti terbabit disalurkan melalui Tabung Pembiayaan Sabah dan Tabung Pembiayaan Sarawak mengikut model 'Alaskan Permanent Fund' dan 'Norwegian Pension Fund'.

Melalui tabung itu, masing-

masing dibahagikan kepada dua bahagian iaitu dividen tunai dan bahagian pelaburan jangka panjang yang turut membayar dividen berkenaan daripada pulangan pelaburan setiap tahun kepada seluruh penduduk Sabah serta Sarawak yang lahir sebagai penduduk.

Manakala untuk bahagian pelaburan, setiap penduduk boleh membuat pengeluaran berdasarkan keperluan termasuk membiayai keperluan pendid-

kan dan perubatan.

Langkah itu diambil berikutan dua negeri terbabit memiliki kekayaan sumber hasil, namun masih jauh ketinggalan dalam banyak aspek berbanding Semenanjung Malaysia.

Walaupun Kerajaan Persekutuan sebelum ini mengumumkan pelbagai rancangan dan peruntukan Malaysia Timur tetapi jurang dengan semenanjung semakin melebar tanpa sebarang usaha menyelesaikannya.

Mansuh GST, basmi rasuah dan pembaziran

KUALA LUMPUR - Pakatan Harapan (Pakatan) mencadangkan pengurangan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada sifar untuk menstabilkan inflasi dalam Belanjawan Alternatif 2016 yang diluncurkan, pada 21 Oktober lalu.

Langkah itu dibuat berdasarkan ramalan Malaysia bakal berhadapan dengan inflasi lebih

tinggi tahun hadapan di samping kejatuhan nilai ringgit.

"Kami percaya pengurangan GST sebanyak kosong peratus boleh diseimbangkan melalui penjimatan daripada membasmi pembaziran dan rasuah, termasuk pendapatan tambahan hasil pelaksanaan Cukai Menambah Kekayaan (CGT)," katanya.

Langkah menurunkan GST pada kadar sifar adalah antara inisiatif menyediakan bantuan kewangan kepada rakyat dan senarai GST barangan berkadar sifar akan diperluas dengan memasukkan beberapa barangan lain antaranya kad prabayar telefon bimbit, susu tepung serta lampin pakai buang.

Sorotan Belanjawan Pakatan Harapan 2016

 <p>Meletakkan 1MDB dalam pentadbiran dan mendakwa pesalah-pesalah berkaitan</p>	 <p>Memisahkan portfolio Perdana Menteri dan Menteri Kewangan</p>	 <p>Menyokong pelanjutan tempoh perkhidmatan Gabenor Bank Negara untuk 2 tahun lagi</p>	 <p>Memansuhkan GST dengan mengumpulkan semua pembekalan bawah senarai kadar sifar untuk mengurangkan inflasi</p>	 <p>Menubuhkan tabung pembiayaan petroleum untuk penduduk Sabah dan Sarawak</p>
 <p>Peruntukan kepada perbelanjaan pembinaan kereta api laju KL-Singapura akan diagihkan semula kepada pembinaan landasan kereta api di Sabah dan Sarawak</p>	 <p>Penjimatan RM30 bilion daripada langkah-langkah pencegahan rasuah</p>	 <p>Mengurangkan dividen PETRONAS kepada RM20 bilion</p>	 <p>Penyusunan semula pembayaran bantuan kewangan secara bersyarat berdasarkan pekerjaan dan kehadiran sekolah</p>	 <p>Menyusun semula subsidi padi dan meningkatkan hasil pengeluaran pertanian</p>

Langkah-langkah Pakatan Harapan dalam mengelakkan krisis ekonomi

<p>Krisis Keyakinan</p> <p>Memulihkan keyakinan pasaran</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Meletakkan 1MDB ke dalam pentadbiran ● Menjejak semula dana yang hilang untuk dikembalikan ● Menghukum kesemua pesalah dan dalang berkaitan ● Memperkenalkan perubahan keinstitutionian 	<p>Kos sara hidup yang semakin meningkat</p> <p>Menyediakan bantuan kewangan untuk rakyat</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Mengurangkan GST kepada 0% peratus untuk menstabilkan inflasi ● Cukai pendapatan individu yang progresif untuk mengurangkan beban cukai kepada kelas bawahan dan pertengahan ● Menyusun semula subsidi sasaran untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan 	<p>Kos yang lebih tinggi untuk menjalankan perniagaan</p> <p>Menyediakan bantuan kewangan untuk perniagaan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Mengurangkan GST kepada 0% untuk meningkatkan aliran tunai perniagaan ● Rebat cukai korporat untuk pelaburan semula ke dalam perniagaan tempatan dan tidak menggalakkan larian modal ● Mengurangkan dividen petroleum untuk mengukuhkan PETRONAS 	<p>Ruang Fiskal Yang Terkekang</p> <p>Menutup Ketirisan dan melaksanakan disiplin fiskal</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pembaharuan institusi dan urus tadbir untuk membasmi rasuah, pembaziran dan salah urus ● Disiplin fiskal dengan menjana pendapatan untuk masa diperlukan 	<p>Kelesuan Ekonomi</p> <p>Meningkatkan perbelanjaan pembangunan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Meningkatkan perbelanjaan untuk pembangunan modal insan seperti kesihatan, pendidikan, latihan, dan pemberdayaan wanita ● Pemfokusan kepada infrastruktur luar bandar untuk mengurangkan jurang ekonomi antara Malaysia Barat dan Timur ● Meningkatkan perbelanjaan sosial dengan menyasarkan golongan bawahan 40%
--	---	---	--	---

Penyelesaian segera

Langkah jangka masa sederhana



Elak kedaulatan negara terjejas

Kaji sebelum tandatangan TPPA

OLEH NAZLI IBRAHIM

KERAJAAN Persekutuan perlu melaksanakan kajian mendalam berkenaan kesan pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) terhadap negara sebelum menandatangani.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, berkata antara isu penting yang perlu dikaji adalah kesan terhadap kedaulatan negara.

"Kita beri perhatian serius kerana menyentuh kehidupan daripada segi ekonomi, sosial, poltik dan kedaulatan.

"Apakah kita mengizinkan orang lain campur tangan dalam soal apa yang kita nak tentukan sama ada soal polisi juga undang-undang yang hendak menegakkan dasar untuk dilaksanakan kerajaan.

"Kita boleh untung seringgit, dua hari ini tetapi apakah kesan

"Kita boleh untung seringgit, dua hari ini tetapi apakah kesan kemudian hari terhadap kedaulatan kerana walaupun negara kita kecil tetapi merdeka"

TENGGU RAZALEIGH
Ahli Parlimen Gua Musang

kemudian hari terhadap kedaulatan kerana walaupun negara kita kecil tetapi merdeka," kata veteran Umno itu di lobi Parlimen, di sini, pada 20 Oktober lalu.



Ketika menyentuh isu kelembapan ekonomi dan peningkatan kos sara hidup, Tengku Razaleigh berkata, Kerajaan Persekutuan perlu bertindak bagi memulihkan keyakinan pelabur asing dan rakyat.

Apabila ditanya berkenaan skandal 1MDB, beliau berkata, hanya akan memberikan pandangan selepas Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen.

Pastikan institusi parlimen dimartabat

KEYAKINAN rakyat dan pelabur terhadap sistem demokrasi negara harus dipulihkan segera, sekaligus meletakkan ekonomi negara di landasan tepat.

Mohamed Azmin Ali (PKR-Gombak), berkata antara langkah yang perlu diambil adalah memastikan institusi parlimen terus berada di tempat tertinggi dalam Perlembagaan Negara.

"Dewan Rakyat tempat perbincangan, perbahasan dan saya kira kalau tidak di Dewan Rakyat mana lagi rakyat boleh dapat fakta.

"Jadi, saya kira jika kita mahu menjadikan parlimen kita bertaraf dunia, reformasi perlu dilakukan dan semua pihak perlu mengambil tanggungjawab untuk menyuburkan demokrasi dalam negara.

"Dalam keadaan sekarang, pelabur hilang keyakinan terhadap sistem kenegaraan kita hingga menyebabkan ringgit merudum begitu teruk," katanya yang juga Dato' Menteri Besar Selangor di Lobi Parlimen, pada 20

Oktober lalu.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak terselamat daripada menjawab soalan berkenaan skandal 1MDB.

Hal ini berikutan semua soalan berkenaan 1MDB sama ada terus ditolak atau diberikan melalui jawapan bertulis pada tarikh tidak dinyatakan.

“

Dalam keadaan sekarang, pelabur hilang keyakinan terhadap sistem kenegaraan kita hingga menyebabkan ringgit merudum begitu teruk

MOHAMED AZMIN
PKR-Gombak

GST dan tol tekan rakyat

LANGKAH Kerajaan Persekutuan mengenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) menyebabkan kehidupan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana semakin tertekan.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, berkata keadaan itu diburukkan lagi apabila Kerajaan Persekutuan membenarkan syarikat konsesi lebuhraya menaikkan kadar tol masing-masing, pada 15 Oktober lalu.

"Naiknya kadar tol dan GST,

itu memang membebankan sedangkan pendapatan sebenar yang diharapkan tidak dirasai rakyat.

"Mungkin rakyat sendiri perlu memikirkan produktiviti yang perlu ditingkatkan kerana keadaan ekonomi dunia amat teruk," katanya kepada media di lobi Parlimen, di sini, pada 20 Oktober lalu.

Veteran Umno itu berkata, Kerajaan Persekutuan perlu memperbetulkan keadaan bagi meringankan tekanan kos sara hidup yang dihadapi rakyat.

Hartanah MARA terlebih bayar RM129 juta - SPRM patut bertindak

PEGAWAI yang didakwa terbabit dengan skandal menyebabkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) terlebih bayar sehingga RM129 juta didapati masih bertugas.

Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli, berkata pegawai itu juga pernah mempunyai kepentingan perniagaan bersama syarikat terbabit dalam urusan hartanah MARA di Australia.

"Ini menimbulkan percanggahan kepentingan apabila CEO Pelaburan MARA yang mengu-

ruskan pelaburan aset MARA mempunyai kepentingan perniagaan dalam syarikat berurusan dengan MARA dalam pembelian hartanah.

"Malangnya, skandal ini nampaknya cuba didiamkan begitu sahaja dan sehingga kini tidak ada seorang pun dihadapkan ke mahkamah atau diambil tindakan oleh pihak berkuasa, baik MARA sendiri atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya dalam sidang media di Lobi Parli-

men, di sini, pada 20 Oktober lalu.

Katanya, beliau bakal mendedahkan dokumen diperolehi dari Australia termasuk dokumen mahkamah secara jelas menamakan individu itu.

"Diharap tindakan diambil terhadap mereka termasuk seorang Exco Pemuda Umno yang dinamakan secara jelas di dalam dokumen itu. Isu ini pernah dibangkitkan oleh National Oversight & Whistleblowers (NOW) yang diasaskannya, pada Julai lalu.



Undi tak percaya

Elak strategi dipintas

OLEH NAZLI IBRAHIM

JUMLAH Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang akan menyokong undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri tidak boleh didedahkan pada masa ini.

Mohamed Azmin Ali (PKR-Gombak), berkata ia perlu dirahsiakan bagi mengelakkan pemimpin BN yang masih setia dengan Datuk Seri Najib Razak memintas strategi yang sedang diatur rapi.

"Mereka harus memutuskan jika percaya negara perlu memulihkan keyakinan rakyat kepada kerajaan dan parlimen. Mereka harus mempunyai keberanian untuk menyokong gerakan ini.

"Adalah (jumlah Ahli Parlimen BN sokong undi tak percaya), ini

strategi. Kita sedar perlukan jumlah selesa untuk menjayakan gerakan ini dan sedang berusaha untuk itu.

"Kita lihat nanti, saya tidak mahu buat kesimpulan sekarang tetapi ini masa terbaik untuk semua Ahli Parlimen termasuk dari BN jika mereka percaya negara memerlukan kepimpinan kuat bagi memulihkan keyakinan pelabur atau biar rakyat hukum mereka jika melepaskan peluang ini," katanya yang juga Dato' Menteri Besar Selangor.

Ahli Parlimen Gombak itu berkata demikian kepada media di Lobi Parlimen selepas menghadiri persidangan Dewan Rakyat, pada 20 Oktober lalu.

Mohamed Azmin juga yakin Ahli Parlimen yang melepaskan

Ini masa terbaik untuk semua Ahli Parlimen termasuk dari BN jika mereka percaya negara memerlukan kepimpinan kuat bagi memulihkan keyakinan pelabur atau biar rakyat hukum mereka jika melepaskan peluang ini

peluang menyingkirkan Najib akan dihukum rakyat dalam Pilihan Raya Umum ke-14 nanti.

Katanya, ia berikutan rakyat



sudah sedar tingkah laku Najib terutama membabitkan skandal 1MDB yang merugikan rakyat dan negara.

PAS sokong laksana undi tak percaya

PAS bersetuju menyokong usul undi tidak percaya ke atas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang akan dibawa Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di parlimen.

Mohamed Azmin Ali (PKR-Gombak), berkata persetujuan itu diperolehi dalam perbincangan dengan PAS, pada 20 Oktober lalu.

"Kita mengadakan beberapa siri perbincangan dengan semua parti politik pembangkang.

"Pagi ini (20 Oktober), PKR diketuai Dr Wan Azizah mengadakan perbincangan dengan PAS. Alhamdulillah atas dasar bersama, kita bersetuju mengemukakan satu usul tidak percaya kepada Perdana Menteri.

"Bagaimanapun, waktu dan ketikanya kita akan bincang lebih lanjut sebab ini soal strategi yang harus diatur serta susun dengan baik tetapi memenuhi peraturan dewan seperti berapa lama tempohnya," katanya.

Terdahulu, Dr Wan Azizah memberitahu beliau akan memfailkan notis usul undi tidak percaya terhadap Najib, manakala Ahli Parlimen Batu, Tian Chua dan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar masing-masing mengesahkan terdapat perbincangan tidak formal diadakan dengan Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) berhubung isu itu.

Ahli Parlimen bebas pilih undi tak percaya

AHLI Parlimen bebas memilih sama ada hendak menyokong atau menolak usul undi tidak percaya terhadap Datuk Seri Najib Razak yang bakal diusulkan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Ahli Parlimen Gua Musang, Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, berkata kedudukan Perdana

Menteri terletak kepada undi tidak percaya itu jika berjaya dilaksanakan.

"Itu terpulang pada mereka, saya tak ada kena mengena dengan usul undi tak percaya itu.

"Ahli Dewan Rakyat bebas memberi pendapat dalam soal ini kerana seseorang diangkat sebagai Perdana Menteri mendapat

at mandat keyakinan sebahagian besar mereka yang berada di Dewan Rakyat.

"Bagaimanapun, jika dah terhadap sokongan terbanyak itu, maka dengan sendirinya gugur dan Yang DiPetuan Agong melantik seseorang yang diyakini mempunyai sokongan majoriti," katanya di sini, pada 20 Oktober lalu.

Katanya, terdapat beberapa cara lain untuk menurunkan seseorang Perdana Menteri daripada kuasanya selain undi tidak percaya.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh tidak menjelaskan mekanisme lain yang membolehkan seseorang Perdana Menteri disingkirkan.

"Mati-matilah aku ingatkan usul tak percaya"

WAKTU seakan berhenti berdetik apabila pengumuman usul dicadangkan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan-PKR) dibentangkan di Dewan Rakyat, pada 21 Oktober lalu.

Ruang kerja pengamal media di Dewan Rakyat pula menjadi kecoh kerana menyangka ia adalah usul undi tidak percaya terh-

adap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Bagaimanapun, sangkaan pengamal media yang membuat liputan pada sesi pagi itu meleset apabila ia usul berkenaan jerebu melanda negara yang juga dicadangkan Loy Sian.

Perasaan berdebar-debar dan suasana senyap tadi terus bertukar

gamat dengan gelak ketawa dan keluhan pengamal media yang berada di situ apabila menyedari ia bukan seperti disangkakan.

"Mati-matilah aku ingatkan tadi usul tak percaya," keluh seorang wartawan sambil ketawa.

Persidangan Dewan Rakyat kali ini menjadi tumpuan luar biasa apabila, Loy Sian memfailkan

notis usul undi tidak percaya terhadap Najib selain pembentangan Belanjawan 2016, pada 23 Oktober ini.

Usul yang disenaraikan pada giliran ke-27 itu bagaimanapun bakal ditarik balik selepas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah memfailkan notis usul sama.

KLIA2 'rosak' sana sini

KERAJAAN Persekutuan perlu memandangkan serius soal keselamatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) yang berhadapan masalah mendapan tanah serta takungan air di landasan pelepasan dan mendarat.

Ahli Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin, berkata kos baik pulih kerosakan yang ditanggung Malaysia Airlines Holdings Berhad (MAHB) sudah mencecah RM76.5 juta sejak lapangan terbang itu dibuka,

pada Mei 2014.

Katanya, kos pembaikan itu adalah sangat tinggi iaitu 1/3 daripada kos keseluruhan pembinaan terminal RM231 juta.

"Sebelum ini, berlaku lebih kos pembinaan KLIA2 daripada RM2 bilion menjadi RM4 bilion. Kini MAHB pula disaman Air Asia.

"Mungkin ada tambahan lagi, kita tidak tahu. Isunya, bagaimana boleh berlakunya kos begitu banyak?" katanya dalam sidang media di Lobi Parlimen, pada 21 Oktober lalu.

“

Kos pembaikan itu adalah sangat tinggi iaitu 1/3 daripada kos keseluruhan pembinaan terminal RM231 juta

MOHAMED HANIPA
Ahli Parlimen Sepang

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: ezhafizan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@ccsb.selangorku.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Utusan perlu bayar Anwar RM200,000

OLEH HAFIZAN TAIB

KUALA LUMPUR - Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, di sini, memutuskan Utusan Melayu (M) Bhd memfitnah Datuk Seri Anwar Ibrahim dan memerintahkan syarikat penerbitan akhbar kawalan Umno itu membayar ganti rugi kepadanya RM208,000.

Hakim, Datuk Hue Siew Kheng dalam keputusan mengarahkan Utusan Malaysia sebagai defendan membayar kepada Anwar selaku plaintif sebanyak RM200,000 serta faedah untuk ganti rugi berhubung laporan diterbit akhbar itu, pada 19 Oktober lalu.

Laporan itu menurut Siew Kheng jelas menimbulkan fitnah dan berniat jahat terhadap Anwar dengan peguam bela defendan gagal dalam pembelaannya.

Peguam Anwar, N Surendran ketika ditemui media selepas itu berkata, keputusan itu membuktikan Utusan Malaysia tidak mengamalkan etika kewartawanan yang adil dan bertanggungjawab.

"Ini adalah satu vindikasi menunjukkan bahawa Anwar difitnah



Utusan Malaysia yang diketahui dimiliki sepenuhnya Umno.

"Walaupun dibuktikan atau banyak kes saman malu yang mereka kalah tetapi tetap mengulangi kes seperti ini. Kita harap ia menjadi pengajaran jelas supaya mengeluarkan laporan yang adil," katanya kepada media.

Presiden PKR, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail turut melahir-

kan kesyukuran dengan keputusan dibuat mahkamah itu.

"Alhamdulillah kita bersyukur menang kes," katanya.

Anwar mengemukakan saman terhadap Utusan Malaysia berhubung penerbitan laporan temubualnya bersama Perbadanan Penyiaran British (BBC) menyentuh soal undang-undang homoseksual.

Saman itu difailkan pada Januari 2012 dan menuntut ganti rugi RM50 juta dengan dakwaan defendan menerbitkan laporan berunsur fitnah terhadap plaintif.

Pada 2013, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk V T Singham membenarkan tuntutan saman itu dan memutuskan wujud unsur fitnah dalam laporan Utusan Malaysia pada 17 Januari 2012.

Mana janji mahu turun harga kereta?

SHAH ALAM - Beberapa syarikat pengeluar kereta terkemuka dunia terpaksa menaikkan harga mulai tahun depan susulan kejatuhan nilai ringgit yang bagaikan tiada penghujung.

UMW Toyota Motor Sdn Bhd iaitu pengedar kereta Toyota di Malaysia antara syarikat terawal yang mengumumkan kenaikan harga bagi semua model kenderaannya.

Perubahan harga itu bakal membabitkan kenaikan antara empat hingga 16 peratus disebabkan kemerosotan nilai ringgit, bermula Januari 2016.

Syarikat itu berkata, sepanjang tahun ini sahaja kadar ringgit menyusut melebihi 20 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), sekali gus meningkatkan kos operasi mereka.

Terbaru, Honda Malaysia mengesahkan berlaku peningkatan harga kenderaannya antara dua ke tiga peratus atas alasan sama.

Dalam satu kenyataan, syarikat itu berkata kelemahan nilai ringgit melonjakkan kos pengeluarannya dan akan mengeluarkan senarai harga baharu, pada Disember ini.

Namun, Honda Malaysia dijangka akan menilai semula struktur harga yang ditawarkan jika nilai ringgit kembali pulih.

Terdahulu, Ketua Angkatan Muda Keadilan, Nik Nazmi Nik Ahmad menggesa Kerajaan Persekutuan menghentikan dasarnya untuk mengurangkan harga kereta seperti dijanjikan dalam manifesto pilihan raya 2013.

Katanya, tidak seperti pembangkang yang mencadangkan pengurangan harga kereta secara beransur-ansur dengan menghapuskan cukai eksais yang terlalu tinggi, Barisan Nasional (BN) mencadangkan untuk berbuat demikian melalui 'kuasa pasaran'.

Monsun Timur Laut bantu pulih jerebu



SHAH ALAM - Keadaan jerebu rentas sempadan yang menyelubungi negara tidak akan berlautan walaupun terdapat fenomena El Nino hingga menyebabkan keadaan lebih kering di rantau ini, sehingga Mac 2016.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima, Maduis Tangau, berkata hal itu kerana corak tiupan angin mula berubah apabila negara mengalami monsun Timur Laut bermula November ini, sekali gus membantu menamatkan jerebu.

"Monsun Timur Laut dengan

angin bertiup dari arah timur tidak lagi membawa asap jerebu dari Indonesia ke negara kita walaupun kebakaran hutan di sana dijangka berterusan sehingga Mac 2016," katanya dalam kenyataan, pada 21 Oktober lalu.

Keadaan jerebu dialami kini disebabkan kehadiran Taufan Koppu dan Taufan Champi di Timur Filipina.

Madius berkata, angin akan mula berubah dan keadaan jerebu akan beransur pulih selepas taufan itu melanda daratan, selepas 26 Oktober ini.

GMP bantah usaha kembalikan PPSMI

GERAKAN Mansuhkan PPSMI (GMP) membantah usaha mengembalikan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) 'mengikut pintu belakang' yang bertentangan dengan dasar bahasa dalam sistem pendidikan negara.

Pengerusinya, Prof Emer. Shaharir Mohamad Zain, berkata pemerintah dan ahli

politik terutama yang menggubal dasar di Parlimen perlu memahami falsafah Penyataan Razak (1956) sebagai Dasar Pendidikan Negara (DPN).

"Kami mengusulkan semua wakil rakyat dan senator parti memerintah diberi taklimat atau mendidik diri berkenaan DPN supaya mereka beroleh kefahaman, kesedaran dan keinsafan untuk mempertahankannya.

"Naib Canselor di peringkat pengajian tinggi juga perlu meminta kerajaan melaksanakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dan tidak menentang atau melucutkan DPN yang sah," katanya dalam sidang media di Pejabat Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), di sini, baru-baru ini.

Shaharir berkata, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) juga

tidak sepatutnya 'memporak-perandakan' dasar dilaksanakan sekarang yang ke arah melemahkannya.

Katanya, GMP mengakui kepentingan Bahasa Inggeris, namun ia tidak perlu disamakan dalam konteks pembelajaran sains dan matematik atas alasan keperluan bahasa itu dalam sektor ekonomi, perdagangan serta hubungan diplomatik.

OLEH SYASYA SUFIAN

BATU CAVES - Kerajaan Negeri tidak membangunkan rumah mampu milik di kawasan Ampang kerana tiada tanah yang sesuai untuk Rumah Selangorku, kata Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad.

Komited bangun Rumah Selangorku

Iskandar berkata, Kerajaan Negeri sudah melaksanakan tanggungjawab membina rumah mampu milik untuk rakyat di beberapa

pa kawasan lain.

"Sebanyak 12,000 unit rumah Selangorku dilancarkan dan sebahagian daripadanya siap seperti di Bangi juga Selayang Mutiara, sementara di Sutra Damansara dan Shah Alam sedang dalam pembinaan.

"Jumlah itu adalah sebahagian daripada sasaran Kerajaan Negeri untuk melancarkan 20,000 unit rumah mampu milik,"

katanya menjawab kenyataan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Ampang Jaya, Datuk Ismail Kijo yang mendakwa Kerajaan Negeri gagal membina rumah mampu milik di kawasan Ampang sejak 2008.

"Mengapa tidak ada tanah di sana? Tanya balik Pengerusi Himpunan Merah, dia adalah bekas Adun di sana.

"Dia lebih mengetahui apa yang terjadi kepada tanah yang dulunya banyak tapi sekarang sudah tidak ada," katanya.

Iskandar berkata, Kerajaan Negeri membelanjakan hampir RM30 juta sejak 2008 untuk membaik pulih rumah kos rendah yang dibina kerajaan terdahulu.

Katanya, Kerajaan Negeri sudah membuat penyelidikan berkenaan pembangunan rumah mampu milik dengan beberapa strategi berlainan mengikut kawasan.



Iskandar Abd Samad

"Sebab itu Rumah Selangorku dapat dilihat sedang membangun di kawasan lapang seperti di Klang, Bandar Bayu, Kota Puteri, Rawang dan Gombak. Kita tidak mahu mengulangi kegagalan kerajaan terdahulu yang membina rumah mampu milik dalam keadaan tidak memuaskan," katanya.



Karnival Kampungku Kesayanganku

DAERAH GOMBAK

23 & 24 OKT 2015 (JUMAAT & SABTU)

MASJID AS SYAKIRIN JALAN GOMBAK, GOMBAK

PERCUMA !!!

Tukar Minyak Hitam Motosikal, Rawatan Muka & Dandan Rambut Wanita & Gunting Rambut Lelaki

PAMERAN & JUALAN PERTANDINGAN

Mewarna Kanak-Kanak, Seni Khat, Motor Tercantik, Motor Lambat Marhaban Muslimah, Gubahan Sireh & Masakan dan Kuih Tradisional

AKTIVITI MENARIK

Sukaneka, Memanah Tradisional, Suppa Doopa, Forum Perdana, Tahnik Perdana, Meneroka Angkasa
KENDURI RAKYAT

RAMAH MESRA

bersama Ketua Kampung & Nazir Masjid
3.00 Petang (Jumaat)

SEMBANG SANTAI 3K

Ust. Halim Hafidz, Syamsul Kamal (Gitaris), Ust Zainal Abidin, Hafiz Hamidun (Selebriti)
9.00 Malam (Jumaat)

MENEROKA ANGKASA

bersama Jabatan MUFTI
11.00 Malam (Jumaat)

KAYUHAN

Kampungku Kesayanganku, ZIARAH MASYARAKAT
7.00 Pagi (Sabtu)

RAMAH MESRA bersama Ketua Guru SRA, Guru Besar SAR, Mudir Maahad Tahfiz
KOLOKIUUM bersama Dato' Dr. Abd Halim Tamuri (Rektor KUIZ)
9.00 Pagi (Sabtu)

SEMBANG SANTAI

bersama YAA Dr. Mohd Na'im (Ketua Hakim Syarie Selangor)
10.00 Pagi (Sabtu)

SEMBANG SANTAI

bersama Dato' Chef Li (Penulis Buku 'JUTAWAN SENYAP')
12.00 Tengah Hari (Sabtu)

KENDURI RAKYAT

12.00 Tengah Hari (Sabtu)

TAHNIK PERDANA

8.30 Malam (Sabtu)

MAJLIS PERASMIAN & FORUM PERDANA 3K

Ust. Mohd Kamil Sidek, Ust. Ghazali Omar, Ust. Hamizul Abdul Hamid
9.00 Malam (Sabtu)

Semua Dijemput Hadir

DanaSel buka ruang bantu rakyat

Peluang terbaik miliki rumah



OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku (DanaSel) kini terbuka kepada orang ramai bagi membantu mereka yang berhasrat membeli rumah kos rendah tetapi gagal mendapatkan pinjaman bank.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad, berkata melalui skim itu Kerajaan Negeri akan membeli rumah dan disewakan kepada pembeli.

Katanya, rumah itu kemudian akan dijual dengan harga jualan yang ditolak sebahagian daripa-

da sewa dibayar

"Jika penyewa masih gagal mendapatkan pinjaman perumahan, maka mereka boleh terus tinggal di rumah berkenaan. Mereka akan terus membayar sewa sehingga jumlah yang dibayar dapat menampung harga rumah dan selepas selesai, ia akan menjadi milik penyewa," katanya dalam kenyataan, di sini, baru-baru ini.

Sebelum ini, DanaSel diwujudkan khusus bagi memberi peluang kepada golongan peneroka bandar memiliki kediaman sendiri.

Iskandar berkata, terdapat dua projek perumahan kos ren-

dah yang dikenalpasti untuk pelaksanaan tahun ini, namun satu daripadanya ditangguh kerana terdapat kes mahkamah.

"Jadi, peruntukan untuk projek terbabit iaitu bagi membeli 180 rumah kos rendah akan dibuka kepada orang ramai," katanya.

Orang ramai yang berminat boleh menghubungi Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) di talian 03-5544 7906, selian boleh berkunjung terus ke pejabat LPHS di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Tingkat 5, Podium Utara, Persiaran Sultan, Seksyen 5, di sini, pada waktu pejabat.

Hari tol percuma di Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri diharap dapat mempertimbangkan semula cadangan mengadakan hari tol percuma, kata Adun Kinrara, Ng Sze Han.

Beliau berkata, keuntungan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam konsesi tol Littrak Berhad (LITRAK) dan Konsortium Expressway Shah Alam Selangor Sdn Bhd (KESAS) perlu dimanfaatkan.

Katanya, insentif itu bukan sahaja dapat meringankan beban rakyat, bahkan membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri melawan dasar kenaikan harga

tol Barisan Nasional (BN).

"Cadangan sama pernah dikemukakan ketika membahaskan Belanjawan Selangor 2014 supaya pegangan saham Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dalam KESAS dimanfaatkan dan hari tol percuma boleh dilaksanakan.

"Tetapi, ia tidak mendapat sambutan Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika itu," katanya dalam satu kenyataan, pada 15 Oktober lalu.

Sze Han berkata, Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) dan SPRINT di bawah LITRAK masing-

masing mencatat keuntungan sehingga RM138 juta.

"Berdasarkan laporan 2015, jumlah kenderaan juga meningkat dua peratus berbanding tahun sebelumnya menjadikannya melebihi 500,000 kenderaan setiap hari.

"Jika dividen Kerajaan Negeri berjumlah RM27.6 juta (20 peratus) dengan mengambil contoh penggunaan lebuhraya hanya separuh pada Ahad, maka kira-kira 13 juta pengguna akan menikmati manfaat tol percuma dengan anggaran kos RM27.3 juta," katanya.

Salur maklumat buang sampah haram

SHAH ALAM - Masyarakat perlu terus menjalinkan kerjasama dengan pihak berkuasa dalam usaha membanteras kegiatan pembuangan sampah haram.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata kerjasama semua pihak penting bagi menjamin kelestarian alam sekitar.

Katanya, usaha Kerajaan Negeri menyusun strategi pembanterasannya juga tidak membuahkan hasil selagi penduduk enggan berganding bahu.

"Diharap, penduduk juga tidak berkompromi dengan pihak tidak bertanggungjawab yang menyalahgunakan tanah sebagai tapak pembuangan sampah haram.

"Semua pihak harus sedar bahawa aktiviti ini bukan sahaja mencemar kebersihan Selangor, bahkan memberi kesan jangka-

masa panjang kepada pelbagai pihak termasuk penduduk sendiri," katanya kepada Selangor Kini, pada 19 Oktober lalu.

Terdahulu, sebuah akhbar melaporkan aktiviti pembuangan sampah haram di Selangor berterusan termasuk didalangi penduduk tempatan sendiri yang bertindak menjadi mata dan telinga kepada pihak tidak bertanggungjawab.

Pada masa sama, Ean Yong berkata Kerajaan Negeri sentiasa aktif bekerjasama dengan agensi berkaitan seperti pejabat tanah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) menutup tapak terbabit.

"Kita juga dapati sebahagian besar sisa pembinaan haram datang dari luar Selangor terutama dari Kuala Lumpur. Jadi, kita minta kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk tangani masalah ini," katanya.

Perjuangan Subuh Jejak Al-Fatih ke seluruh daerah

SHAH ALAM - Program Perjuangan Subuh Jejak Al-Fatih anjuran Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) bakal dilaksanakan ke seluruh daerah dengan sasaran 600 peserta bagi setiap lokasi.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) MBI, Mohd Jaafarudin Md Ali, berkata ia adalah program ilmu yang digerakkan dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Katanya, program sulung itu dijadualkan diadakan di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, pada 31 Oktober hingga 1 November ini.

"Sambutan amat menggalakkan dan kita berharap program ini mencapai objektif bagi melahirkan pemimpin muda cemerlang seperti bekas pemimpin Islambol, Sultan Muhammad Al-Fatih.

"Peserta ditempatkan di masjid dan diberi bimbingan melalui program dikendalikan tenaga pengajar pakar bagi membentuk keperibadian terpuji daripada segi keagamaan dan akademik," katanya kepada Selangor Kini.

Antara pengisian program



Mohd Jaafarudin

ialah solat berjemaah, jiwa Al-Fatih, forum inspirasi Al-Fatih dan dikir zikir, qiamullail, kuliah subuh andai ini subuh terakhir dan ujian bertulis inspirasi Al-Fatih.

Program dua hari itu menampilkan penceramah dan selebriti popular seperti Ustaz Harryanto Rizal Rokman, Ustaz Muhammad Abdullah Al Amin, Imam Muda Azhar, Raqib Majib, Ashraf Muslim dan Diana Amir.

Katanya, setiap peserta yang mengikuti program itu diberi ujian supaya dapat memilih peserta cemerlang dan terbaik di setiap daerah.

2015 genap 20 tahun

KUIS lahir 'Islamic Philosophy' masa depan

Tahun ini, genap 20 tahun penubuhan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Dalam tempoh itu, pelbagai agenda pembangunan khususnya pendidikan Islam dibangunkan oleh insituti pengajian itu. Selaras dengan tempoh dan pembangunan yang dihasilkan, aspek kewangan dalam belanjawan juga perlu dititik beratkan. Ikuti temubual bersama **Timbalan Rektor Pengurusan Korporat Pembangunan dan Pengantarabangsaan, DR ZULKIFLI ABD HAMID** bersama **wartawan Selangor Kini, NORHAYATI UMOR**.

Q&A

Tahun ini, genap 20 tahun penubuhan KUIS, jadi sejauh mana Dr melihat KUIS membangun dalam agenda pendidikan?

Jika dulu kita panggil Kolej Islam Darul Ehsan. Alhamdulillah selepas 20 tahun, kita sudah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan institusi lain. Jika dulu hanya ada program diploma tetapi kini kita tawarkan sehingga program doktor falsafah.

Jadi, daripada situ kita lihat keberhasilan yang dihasilkan KUIS itu sendiri. Sebenarnya, pembangunan modal insan sebagai satu pemangkin bagi mana-mana penubuhan institusi pendidikan. Pembangunan modal insan adalah satu perkara yang sangat mustahak kerana seiring dengan kemajuan sesebuah negeri juga negara.

Bila negara atau negeri itu maju, ia kena seimbang dengan pembangunan modal insan. KUIS sudah lahirkan ramai cendekiawan sejak penubuhannya dan sehingga kini kita juga hasilkan lebih 11,000 pelajar yang berada di merata tempat. Mereka memberikan perkhidmatan sama ada dalam bentuk pentadbiran atau kemasyarakatan.

Sesuai dengan tagline KUIS untuk lahirkan 'da'i, ulama dan umara'. Itu perkara yang cukup sinonim dengan perkembangan Malaysia hari ini untuk mencapai sebuah negara maju dan disesuaikan dengan keseimbangan pembangunan modal insan.

“

Bila negara atau negeri itu maju, ia kena seimbang dengan pembangunan modal insan. KUIS sudah lahirkan ramai cendekiawan sejak penubuhannya dan sehingga kini kita juga hasilkan lebih 11,000 pelajar yang berada di merata tempat. Mereka memberikan perkhidmatan sama ada dalam bentuk pentadbiran atau kemasyarakatan

Sejauh mana kewibawaan mahasiswa dan mahasiswi yang dilahirkan KUIS?

Setakat ini, tiada masalah pelajar kita menganggur kerana mereka lahir dalam pelbagai prinsip dan kita tidak wujudkan KUIS untuk lahirkan tenaga buruh. Itu tidak. Kita berikan mereka ilmu dan bila ada ilmu, mereka boleh berdiri atas kaki sendiri. Ada di antara bekas pelajar kita menjadi usahawan, pakar motivasi dan sebahagiannya juga sebagai da'i. Mengikut tinjauan yang kita buat, 90 peratus sudah bekerja.



Berapa ramai bilangan pelajar dan apa kursus yang ditawarkan?

Kita ada 7,900 pelajar. Ia adalah peningkatan yang ketara dalam tempoh dua tahun lalu. Pada tempoh 2013, kita cuma ada 3,800 pelajar. Tetapi dengan pelbagai program yang kita buat berjaya memberikan kepercayaan kepada masyarakat. Tahun ini, pelajar kita meningkat 100 peratus. Kita menawarkan 49 kursus dari tahfiz ke perakaunan termasuk bidang ekonomi.

Mungkin ko-kurikulum kita berbeza dengan universiti lain sebab walaupun dalam bidang perakaunan, ekonomi atau perbankan tetapi pelajar wajib mengikuti program kajian bahasa Arab sebagai satu subjek teras wajib mengikuti usrah. Ia bagi melatih mereka supaya dapat hidup dengan baik bersama masyarakat apabila berada di luar nanti.

Apakah faktor peningkatan pelajar yang begitu mendadak?

Dulu hanya lebih 3,000 pelajar. Antara faktornya promosi terhadap KUIS. Kepercayaan ibu

bapa untuk menghantar anak mereka kerana KUIS menyediakan pengajian bukan sahaja akademik tetapi juga keagamaan. Contohnya, walaupun belajar akaun namun mereka perlu menghafal surah pendek. Lazimnya, bagi pengajian Islam paling kurang perlu menghafal satu juzuk.

Masyarakat sekarang mahu perkara ini menjadi keutamaan. Tidak lagi perkara keduniaan yang berlebihan dan kerana itu KUIS dijadikan pilihan.

Faktor bantuan dari Kerajaan Negeri juga. Kita melihat kepimpinan ini meletakkan pendidikan perkara utama yang dibuktikan dengan bantuan biasiswa juga wang saku. Contohnya, meluluskan peruntukan RM5 juta untuk membiayai keseluruhan pelajar tahfiz. Mereka hanya datang belajar sahaja.

Bagaimana dengan pencapaian atau pengiktirafan KUIS setakat ini?

Kita mendapat tier 4 (penarafan KUIS dalam skala sangat baik) oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) SETARA bagi tahun 2011 adalah bukti awal kesungguhan KUIS dalam persaingan pasaran

pendidikan di Malaysia. Keputusan SETARA pada tahun itu menyaksikan 17 IPTA/S mendapat tier 4 dan 35 IPTA/S mendapat tier 5 (cemerlang).

Ia menjadikan KUIS sama taraf dengan universiti lain dan tidak tertinggal, bahkan seiring dengan universiti awam. Pada satu ketika, KUIS pernah berada di tangga ke-33. Saya rasa bangga kerana kita bersama UNISEL. Kita berada bawah Majlis Agama Islam (MAIS) dan Kerajaan Negeri Selangor bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar selaku Lembaga Pengarah yang selama ini memberikan semangat dan sentuhan supaya insituti dijaga dan dipelihara bagi melahirkan pelajar untuk melahirkan pemimpin da'i akan datang.

Kita juga baru pulang dari Jordan bagi menandatangani memorandum persefahaman. Antaranya pada masa akan datang, pelajar yang mengikuti pengajian diploma boleh meneruskan pengajian di tahun tiga di Jordan.

KUIS juga akan dijadikan Pusat Bahasa Arab dan Kajian Serantau iaitu satu-satunya hab di Malaysia dan Asia.

KUIS juga dijadikan institusi



kajian hadis wal jamaah dalam usaha menangani masalah berkenaan ahli sunnah wal jamaah dan mazhab lain serta fahaman lain yang kini banyak menular di negara kita. Banyak wahabi, sunni tetapi kita tiada institusi pemikir dalam membantu kerajaan menyelesaikan perkara ini.

Bagaimana Dr melihat usaha Kerajaan Negeri mmbangunan sektor pendidikan di negeri ini? Terutama Pendidikan Islam.

Saya melihat Kerajaan Negeri terlalu komited dengan pembangunan modal insan. Perkara ini sangat sesuai kerana tamadun Islam itu sendiri lahir dengan pendidikan sebab itu surah yang pertama ialah Iqra (membaca), jadi kita melihat pendidikan itu satu keperluan yang penting dan percaya perkara ini dilihat Kerajaan Negeri sebagai satu pemangkin untuk meneruskan kesinambungan serta untuk menjadikan Selangor lebih baik pada masa akan datang.

Hal ini sangat penting kerana pada hari ini pemimpin dan cendekiawan yang ada adalah berlandaskan pendidikan sebelum ini. Jadi, pendidikan sebelum ini melahirkan pemimpin yang berkhidmat dalam pelbagai bidang dan sektor yang menuju ke arah kemajuan. Jadi, kita perlu mempunyai pelapis supaya perkara yang kita rancang akan berterusan sampai 20 hingga 30 tahun. Itu konsep yang perlu ada dalam semua institusi pendidikan.

Waktu ini, Kerajaan Negeri lebih menumpukan kehendak masyarakat dalam pelbagai aspek berbanding keutamaan yang lain. Keutamaan cukup signifikan de-

“

Di KUIS, ramai pelajar dalam kalangan fakir miskin. Lebih 780 pelajar datang daripada keluarga kurang berkemampuan luar Selangor. Di Selangor, ada 200 hingga 300 pelajar ditaja sepenuhnya Lembaga Zakat Selangor (LZS)

ngan masyarakat itu sendiri kerana masyarakat memilih pemimpin, maka mereka mengharap dan meletakkan sesuatu yang cukup tinggi dan cukup besar supaya mereka terbela bukan sahaja daripada segi kebajikan sosial ekonomi. Kita melihat di bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar, ia telus dan segala perbelanjaan diberi keutamaan kepada rakyat.

Bagaimana dengan bantuan pendidikan yang disediakan?

Di KUIS, ramai pelajar dalam kalangan fakir miskin. Lebih 780 pelajar datang daripada keluarga kurang berkemampuan luar Selangor. Di Selangor, ada 200 hingga 300 pelajar ditaja sepenuhnya Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Walaupun pelajar luar dari Selangor kurang berkemampuan tetapi kita tetap menerima mereka. Kita tidak mahu mereka tercicir dalam pendidikan.

Oleh sebab itu, kita ada wakaf LZS, yang disalurkan kepada pelajar untuk mereka teruskan pelajaran di KUIS. Kita tidak mahu pelajar yang tidak mampu membayar yuran akhirnya tercicir. Saya rasa ini akan jadi satu masalah kehidupan pada masa akan datang seakan mereka akan meneruskan legasi kemiskinan keluarga. Sebagai sebuah negeri yang kaya, Selangor iaitu dengan kehendak Dato' Menteri Besar sendiri mahu pendidikan diberikan tanpa mengira golongan.

Kita berkefahaman, pendidi-

kan asas itu paling penting untuk melahirkan generasi yang cemerlang pada masa hadapan.

Hal itu juga menyebabkan KUIS tidak pernah menaikkan yuran sejak 10 tahun kebelakangan ini. Ini satu perkara yang cukup menarik. Berbanding dengan intitusi lain yang sudah menaikkan yuran beberapa kali. Tetapi, di KUIS tidak ada isu kenaikan yuran. Apa yang penting, KUIS mahu menarik seberapa ramai pelajar untuk menuntut ilmu.

Dalam Belanjawan 2016, menjadi hasrat Kerajaan Negeri mahu memodenkan maahad tahfiz, apa pandangan Dr?

Di Selangor, kita ada lebih 11,000 pelajar tahfiz seluruh negeri termasuk swasta di bawah penyeliaan Jabatan Agama Islam (JAIS). Ada yang tidak mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Jadi, sangat wajar jika Kerajaan Negeri mahu memodenkan pelajar tahfiz ini. Kita tidak mahu mereka hanya tahu tahfiz tetapi tidak tahu perkara lain.

Langkah ini seiring dengan hasrat KUIS yang mahu meng'SPM' kan pelajar. Kita tidak mahu mereka ini tidak dapat ke mana-mana kerana tiada SPM. Jika ada, mereka diterima masuk meneruskan pengajian di peringkat diploma dan ijazah. Dengan kemahiran hufaz, pasti mereka boleh mengembangkan ilmu. Jika tiada kelayakan akademik, maka tidak boleh ke mana-mana dan tidak dipandang, bahkan tentu alat untuk mereka sebarakan ilmu itu tidak cukup.

Berkenaan Belanjawan 2016, apa peluang yang perlu ditumpukan khususnya sektor pendidikan?

Saya berharap supaya belanjawan pendidikan dikekalkan, bahkan diletakkan untuk memberikan lebih manfaat kepada pelajar.

Kerajaan Negeri boleh memberi ruang atau sedikit geran untuk mengurangkan yuran pendidikan. Walaupun tiada kenaikan yuran pengajian tetapi dengan memberikan geran 10 hingga 20 peratus, kita dapat membantu pelajar yang tidak mengambil sebarang pinjaman.

Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) juga sudah dikurangkan. Jika Kerajaan Negeri boleh membiayainya, saya percaya lebih ramai yang berminat untuk belajar di KUIS.

Ada juga pelajar yang susah tetapi tidak mengambil pinjaman, bahkan mereka berusaha membiayai sendiri. Saya lihat banyak halangan untuk mereka untuk lebih mudah belajar. Jika ada pendidikan percuma itu lebih baik.

Bagaimana pula dengan harapan pembangunan infrastruktur di KUIS?

Sebelum ini, Kerajaan Negeri sudah meluluskan pinjaman mudah untuk KUIS menaiktaraf pembangunan sedia ada. Tahun ini, Kerajaan Negeri meluluskan untuk mendirikan perpustakaan dan dewan kuliah yang baru bagi menampung pertambahan pelajar.

Jika boleh, kita mahu geran bukan pinjaman kerana manfaat ini bukan untuk individu tetapi masyarakat. Ilmu cukup penting dan relevan untuk dijadikan modal pembangunan.

Jika kita sebut 'Return of Investment' (ROI), ia tidak dapat dilihat sebagai pulangan modal tetapi melahirkan manusia lebih tamadun dan harmoni.

Sasaran KUIS pada masa akan datang?

Seperti yang dititahkan DYMM Sultan Selangor, dalam tempoh dua hingga tiga tahun hadapan, KUIS bakal menuju ke taraf universiti penuh.

Kita juga mahu melihat ramai pakar dalam pelbagai bidang. Kini, kita sudah lahirkan pelajar ijazah sarjana dan doktor falsafah. Bila lahirnya mahasiswa bergelar doktor falsafah, kita akan lihat KUIS lebih maju dan berkembang kerana orang yang mempunyai 'Islamic philosophy' lebih menyumbang kepada masyarakat.

Kita mahu KUIS bukan sahaja menjadi satu institusi yang dibantu Kerajaan Negeri dan MAIS tetapi wang zakat yang diwakafkan itu perlu diteruskan di setiap institusi. Wang wakaf perlu sentiasa berkembang pada masa akan datang. Sumbangan orang ramai boleh memberikan pendidikan terbaik kepada masyarakat.





▲ Ahli Parlimen Selayang, William Leong melawat kawasan banjir kilat di Kampung Bunga Raya Kuang untuk memantau keadaan rumah mangsa



▲ Exco Pendidikan Selangor, Nik Nazmi Nik Ahmad menyerahkan bantuan kepada keluarga mangsa murid Orang Asal hilang di Kem Tohoi



▲ Adun Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan bersama wanita setempat menghadiri Kursus Bakeri Aneka Roti anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN itu



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha menghadiri Bengkel Membuat Kek bersama Persatuan Penduduk Taman Indah Jaya anjuran PWB DUN berkenaan



▲ Adun Kinrara, Ng Sze Han melepaskan acara berjalan dan berlari bersama Orang Kurang Upaya (OKU) anjuran Beautiful Gate Puchong untuk meningkatkan keyakinan pergerakan tanpa halangan



▲ Adun Morib, Hasnul Baharuddin berkesempatan menghadiri program taklimat berkenaan keselamatan dan pembelaan wanita anjuran PWB kawasan itu



▲ Adun Ijok, Dr Idris Ahmad menyerahkan kerusi roda dan sumbangan peribadi kepada keluarga Zaimah di Taman Purnama



▲ Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh melawat dan melancarkan gazebo baru di seksyen SS19/1 bersama penduduk setempat

Tenggelmnya Kapal Van Der Wijck warnai Istana Budaya

OLEH NURUL FARINA NAZLAN

Haji Abdul Malik Abdul Karim Amarullah atau lebih dikenali sebagai Buya Hamka adalah sosok sasterawan dan ilmuwan terkenal di nusantara ini, bahkan naskahnya terus dicari serta diperhalusi semua peringkat usia kerana intipati di dalam setiap karya juga menyimpan pelbagai makna tersirat yang boleh dijadikan iktibar tidak kira zaman.

Setiap karyanya mempunyai nilai tersendiri dalam arena kesusasteraan nusantara dan perkembangan Islam. Antara karyanya yang terkenal adalah Tenggelmnya Kapal Van Der Wijck dan menjadi pilihan pembaca, bahkan sehingga kini berkali-kali diulang cetak. Nyata, kisah berlatarkan Ranah Minang itu mendapat tempat dan terus diangkat sebagai filem yang muncul di layar perak pada Disember 2013.

Kini, naskah itu turut dipentaskan dalam teater terbaru arahan Rosminah Mohd Tahir dan diterbitkan dengan kerjasama CTRA Production juga Istana Budaya yang menampilkan pelakon terkenal seperti Amar Baharin, Nabila Huda, Syarul Ridzwan, Amyra Rosli, Karl Shafek



serta Liza Abdullah, pada 12 hingga 18 Oktober lalu. Sebelum ini, Rosminah juga pernah mengangkat sebuah lagi karya hebat Hamka di pentas sama iaitu Di Bawah Lindungan Kaabah, pada 9 hingga 18 Mei 2014.

Sememangnya bukan mudah menterjemahkan antara karya hebat Hamka itu ke pentas teater, namun kesungguhan semua pelakon yang menjayakan teater ini dilihat berjaya mencorakkan pentas dengan baik.

Kisah cinta di Negeri Batipuh Sapuluh Koto yang terletak di Padang berjaya membawa keserasian antara Amar yang memegang watak Zainuddin dan Nabila sebagai Hayati, bahkan turut memberi impak mendalam kepada penonton apabila dua pelakon muda ini berjaya mengolah intipati karya dengan baik terutama dengan gaya penyampaian menggunakan bahasa Indonesia. Latar belakang cerita yang memberi gambaran jelas suasana kehidu-

pan masyarakat Minangkabau juga membuatkan penonton seakan berada di Ranah Minang terutama ketika plot rumah gadang juga perbingcangan antara ketua adat.

Kisah tragik antara Zainuddin dan Hayati bermula dengan kisah kepulangan pemuda itu ke kampung asal bapanya, Pendekar Sutan di Batipuh. Zainuddin tidak diterima baik penduduk Batipuh yang terkenal dengan adat juga kekayaan bangsanya ekoran dianggap sebagai orang asing kerana ibunya berketurunan Bugis dan berasal dari Makassar. Zainuddin sangat sedih mengenangkan nasibnya yang dianggap asing sama ada di Batipuh juga Makassar kerana perkahwinan campur antara bapa dan ibunya sehingga pertemuan dengan gadis Minang, Hayati.

Pertemuan itu membuat Zainuddin ingin terus menetap di Batipuh dan bermulalah kisah percintaan mereka melalui surat-surat. Namun, keakraban itu menjadi buah mulut masyarakat Batipuh dan hubungan mereka dihalang kerana Hayati berdarjat tinggi dibandingkan dengan Zainuddin yang tidak diiktiraf sebagai Minangkabau. Mamak (pakcik) Hayati kemudian menyuruh Zainuddin meninggalkan Batipuh dan berpindah ke Padang Panjang. Pasangan muda ini terlalu sedih, namun berjanji akan saling setia dan berutus surat.

Di Padang Panjang, Zainuddin mengenali Muluk (Syarul Ridzwan)

Pada plot tertentu, wajar dipuji lakonan Amyra yang nyata berjaya berbahasa Indonesia dengan baik, selain Amar dan Nabila yang seakan masuk ke dalam kisah sebenar karya ini

yang banyak membantunya. Suatu hari, Hayati mengutus surat dan menyatakan berita kedatangannya ke Padang Panjang untuk melihat acara pacuan kuda serta bakal menginap di rumah temannya bernama Khadijah (Amyra Rosli). Namun, pertemuan yang diharapkan tidak menjadi kenyataan apabila terhalang oleh pemuda kaya dan berpengaruh, Aziz (Karl Shafek) yang juga abang Khadijah yang tertarik dengan kecantikan Hayati. Lebih malang, Khadijah dan bondanya (Liza Abdullah) memujuk Aziz untuk berkahwin dengan Hayati.

Zainuddin kemudian melamar Hayati dengan mengirim surat kepada mamak gadis itu, namun pada masa sama Aziz juga menghantar pinangan. Ketua adat dan ninik mamak kemudian menerima lamaran Aziz yang pada pandangan mereka adalah asli Minangkabau, berharta dan beradab tanpa disedari lelaki itu sebenarnya kaki judi dan kasanova. Zainuddin jatuh sakit selama dua bulan, namun kehadiran Hayati dan Aziz membuatkan dia bangkit selepas merasa terhina dan daripada situasi takdir

Pada plot tertentu, wajar dipuji lakonan Amyra yang nyata ber-

Karya Hamka tak lapuk dek zaman



Aziz gembira dengan kehadiran gadis Batipuh, Hayati



jaya berbahasa Indonesia dengan baik, selain Amar dan Nabila yang seakan masuk ke dalam kisah sebenar karya ini. Namun, adakalanya sistem bunyi yang terlalu kuat mengganggu pendengaran terhadap lontaran suara dan nyanyian pelakon tetapi tidaklah sampai mencatatkan persembahan itu.

Keseluruhan penceritaan teater ini menarik terutama Amar dan Nabila sangat menjiwai watak mereka di samping penggunaan kata-kata indah dalam naskhah asalnya yang memberi kesan mendalam kepada penonton. Walaupun pelakon sendiri menyatakan karya itu berat tetapi mereka mengambil tanggungjawab berkenaan dengan sebaik mungkin, bahkan Amar juga menyatakan peluang yang diberi membuatkan beliau dekat dengan karya itu.

"Saya membaca novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck ini berkali-kali untuk menjiwai watak Zainuddin dan hanya sekali menonton filemnya. Saya tidak terikat dengan watak Zainuddin versi filem dan cuba menterjemahkannya hasil pembacaan sendiri," katanya yang ditemui selepas tamat persembahan.

Bagi Amyra, minat mendalam terhadap teater terutama sebagai graduan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) membuatkan beliau teruja untuk memberi penghayatan terbaik melalui watak Khadijah yang dipegangnya.

"Ini memang peluang yang ditunggu dan saya tak mampu menolak saat ditawarkan sebagai salah seorang pelakon dalam karya hebat ini.

Saya juga memang penggemar karya Buya Hamka yang sangat dekat dengan masyarakat serta mempunyai nasihat mendalam," katanya.

Berbeza pula dengan Karl Shafek yang memang menggemari karya Hamka sejak zaman persekolahan, bahkan sanggup terbang ke Indonesia ketika filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck mula ditayangkan kerana tidak mahu terlepas peluang menikmati garapan tokoh ilmuwan itu.

"Bagi saya, tawaran berlakon teater memang dinantikan setiap pelakon kerana beraksi di pentas sangat menguji kemampuan kami. Apatah lagi, membawakan salah satu watak di dalam karya Hamka, memang saya gembira kerana amat meminati beliau dan karyanya yang sangat istimewa.

Kenyataan itu disokong pemegang watak Muluk, Syarul Ridzwan yang menyifatkan Hamka dan karyanya bernilai tinggi, bahkan anak muda ini mencari novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck hampir dua tahun.

"Memang bersyukur ditawarkan berlakon dalam teater ini. Sebagai penggemar karya Hamka, Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck memang istimewa bukan sahaja kepada diri saya tetapi masyarakat di luar sana. Saya tidak akan menolak jika ditawarkan berlakon dalam teater hasil karya berat seperti ini pada masa akan datang," katanya.



Nyata, karya Hamka diterima baik generasi muda tidak kira zaman ekoran olahan ceritanya yang mendalam selain mempunyai maksud tersirat juga tersurat yang boleh dijadikan iktibar untuk segenap lapisan masyarakat.

Sementara itu, anak ketujuh Hamka, Fathiyah Hamka yang ditemui turut melahirkan rasa bangga kerana sudah dua kali karya bapanya dipentaskan di Malaysia dan berharap usaha itu akan diteruskan pada masa akan datang,

"Kami waris Hamka amat berbangga dengan usaha produksi di Malaysia yang membawa karya beliau untuk dikongsi bersama masyarakat di sini. Cuma mungkin intonasi bahasanya sedikit berbeza dengan bahasa Indonesia. Saya juga gembira dapat bekerjasama dengan baik dengan pihak penerbitan supaya teater ini dapat menjadi realiti hari ini," katanya yang diterbangkan khas dari Indonesia bagi menonton teater itu, pada 15 Oktober lalu.

Karya hebat Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck memang sesuai dipentaskan dan mungkin cocok dijadikan drama bersiri supaya generasi muda khususnya dapat menjiwai setiap inci nasihat dan maksud tersirat yang cuba disampaikan Buya Hamka melaluinya. Betapa pentingnya, nilai diri seorang manusia tanpa mengira latar belakang bangsanya kerana kehidupan sesuatu yang sukar dijangka terutama membabitkan rezeki juga kesungguhan individu menggilap mutiara yang ada dalam ruang lingkungannya.



Dia memang rapat dengan anak-anak mungkin kerana kisah silamnya yang sedikit pahit membuatkan ayah sentiasa melayan kami dengan baik terutama tiga puterinya ini Fathiyah Hamka

Fathiyah Hamka turut menceritakan sedikit latar belakang bapanya yang dilahirkan dalam keluarga yang kuat berpegang kepada ajaran Islam. Buya Hamka lahir di Sungai Batang Maninjau, Minangkabau, pada 17 Februari 1908 bersamaan 14 Muharram 1326 hijrah dan mempunyai empat adik-beradik.

Bapa Hamka, Haji Abdul Karim Amrullah adalah ulama terkenal Minangkabau yang dianggap sebagai pemangkin kepada reformasi Islam, manakala ibunya adalah Siti Safiyah Gelanggar yang bergelar Bagindo nan Batuah. Sementara itu, datuknya dikenali sebagai Tuan Kisa-i yang mengamalkan Thariqat Naqsyabandiyah. Prof Dr Hamka mendapat pendidikan awal agama

Karya 'Buya' Hamka

NOVEL

- Tenggelamnya Kapal Vanderwick
- Dalam Lembah kehidupan
- Di Bawah Lindungan Kaabah
- Kenangan Hidup • Merantau Ke Deli
- Ayahku • Laila Majnun • Siti Sabariah

KITAB AGAMA & FALSAFAH

- Tafsir Al Azhar (30 Juz)
- Khatib UI Ummah (1925)
- Tarikh Abu Bakar As Sidiq
- Ringkasan Tarikh Umat Islam
- Islam dan Adat Minangkabau
- Tasawuf Moden • Falsafah Hidup
- Lembaga Hidup • Lembaga Budi

MAJALAH

- Kemahuan Zaman (1929) • Al Mahdi (1933)
- Pendoman Masyarakat (1936 - 1942)
- Semangat Islam (1944- 1948)
- Menara (1946-1948) • Panji Masyarakat (1959)

dari Madrasah Tawalib yang didirikan bapanya sebelum berguru dengan Sheikh Ibrahim Musa di Bukit Tinggi.

Beliau menubuhkan Madrasah Mubalighin pada 1929 sebelum berpindah Makassar, Sulawesi untuk menjadi pemimpin gerakan itu. Ketokohan dan ilmu yang ada dalam diri Hamka menarik perhatian beberapa buah universiti dan beliau dilantik sebagai pensyarah dalam bidang falsafah serta agama. Antara universiti yang pernah mendapat khidmat tokoh ini adalah Universiti Islam Pemerintah Jogjakarta, Universiti Islam Jakarta, Universiti Mohamadiyah Sumatera Barat dan Universiti Islam Makassar.

Pada tahun 1958, Universiti Al Azhar, Mesir menganugerahkan Doktor Kehormatan kepada Hamka sebagai mengiktiraf keilmuan beliau, bahkan turut menerima ijazah Doktor Persuratan Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 7 Jun 1974.

Sisi kejayaan Hamka turut terpalit dengan kenangan duka iaitu perceraian kedua orang tuanya yang membuatkan Hamka merasakan beliau anak terbuang, dan peristiwa itu meninggalkan kesan mendalam hingga tokoh ini bertekad tidak akan berkahwin lebih daripada seorang.

Pada 5 April 1929, Hamka bernikah dengan Siti Raham ketika usianya 21 tahun, manakala isterinya baru menginjak angka 15.

Fathiyah Hamka berkata, tokoh terkenal itu mempunyai sepuluh cahaya mata iaitu Zaki Hamka, Rusydi Hamka, Fachry Hamka, Azizah Hamka, Irfan Hamka, Aliyah Hamka, Fathiyah Hamka, Hilmi Hamka, Afif Hamka dan Shaqib Hamka.

Fathiyah Hamka berkata, abangnya Afif Hamka mengikut jejak langkah bapa mereka dalam bidang keagamaan, manakala Ir-

fan Hamka pula mempunyai kemahiran menghasilkan karya dan terbabit dalam dunia kesusasteraan. Fathiyah Hamka juga menyifatkan sikap kasih sayang yang sering ditonjolkan Allahyarham menjadikan mereka berjaya dan mempunyai hubungan akrab antara satu sama lain.

"Setiap hari selepas solat subuh, ayah akan mengajar kami mengaji. Selalunya, kami akan tersenguk dan ayah akan menegur saudara lelaki dengan berkata 'itu alif tidak kelihatan' hingga membuatkan anak perempuannya terkejut. Ayah kemudian mengusap tangan kami untuk mengurangkan rasa terkejut itu.

"Dia memang rapat dengan anak-anak mungkin kerana kisah silamnya yang sedikit pahit membuatkan ayah sentiasa melayan kami dengan baik terutama tiga puterinya ini," kata Fathiyah Hamka sambil tersenyum mengenangkan kenangan indah antara beliau dan bapanya.

Fathiyah Hamka juga berkata, saat ini memang sukar untuk mencari tokoh seperti bapanya, namun menasihatkan generasi muda yang minat berkarya meneruskan usaha itu kerana di alaf baru ini pelbagai kemudahan boleh digapai melalui hujung jari sahaja.

"Saya sokong usaha generasi muda yang minat mengarang walaupun untuk menemui sosok seperti Hamka di zaman ini agak sulit. Mereka banyak peluang kadi gunakan sebaiknya terutama maklumat boleh didapati hanya menekan telefon bimbit atau alat komunikasi terkini yang lain," katanya.

Hamka pulang ke rahmatullah di Malaysia 1981 yang dipercayai disebabkan serangan penyakit jantung ketika usianya mencecah 73 tahun, pada 24 Julai 1981. Sesungguhnya ketokohan beliau dalam bidang agama dan sastera tidak dapat dicari ganti. Semoga karyanya terus melekat dalam setiap jiwa dan nasihatnya sentiasa menjadi pedoman terutama untuk umat Islam di nusantara ini. *Al-Fatihah*.

OLEH AFEEQA AFEERA

Terus 'gula-gulakan' rakyat

BN tak segan ciplak idea Pakatan

INDAH khabar dari rupa. Itulah realiti di Malaysia setiap kali bajet diumumkan Kerajaan Persekutuan saban tahun.

Umum mengetahui Kerajaan Persekutuan yang 'selamanya' di bawah kuasa Barisan Nasional (BN) akan membentangkan bajet di Dewan Rakyat untuk pendengaran semua.

Pada ketika itu, rakyat akan mencari medium elektronik seperti televisyen, radio dan internet untuk mendengar Perdana Menteri membaca satu persatu skrip yang tersedia di hadapannya.

Biasanya, Perdana Menteri dengan gaya dabik dada akan membaca peruntukan yang kononnya untuk manfaat rakyat marhaen (tidaklah begitu bermanfaat sebenarnya).

Pembaharuan demi kesejahteraan rakyat menjadi peminis mulut BN, tetapi hakikatnya benda sama diulang-ulang hingga boleh diagak.

Setiap tahun gula-gula ditaburkan, cuma tahun lepas 'racun' dihidangkan apabila kerajaan mengumumkan pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang berkuatkuasa, pada 1 April lalu.

Ironinya, BN bukanlah sayangkan rakyat tetapi lebih kepada mahu memancing undi dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang untuk memastikan mereka terus berkuasa.

Jika diikutkan, rakyat berhak menerima lebih daripada sepatutnya memandangkan Malaysia kaya dengan pelbagai sumber ekonomi, namun ketirisan, kebocoran dan pentadbiran tidak telus menghadkan segala kemungkinan.

BN sebenarnya kering idea untuk memberi yang terbaik kepada rakyat, tetapi mereka tidak akan mengakui perkara itu walaupun ada yang mengerat lidah.

Balik-balik Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) yang dibanggakan, walhal bukan semua dapat merasai duit secara 'one off' yang



Jika diikutkan, rakyat berhak menerima lebih daripada sepatutnya memandangkan Malaysia kaya dengan pelbagai sumber ekonomi, namun ketirisan, kebocoran dan pentadbiran tidak telus menghadkan segala kemungkinan

kononnya untuk membantu rakyat.

Mereka lebih rela menyindir Belanjawan Pakatan Rakyat (Pakatan) sebagai bajet 'bulan dan bintang' yang sebenarnya dijadikan panduan dalam diam.

Hakikatnya, tidak terjangkau dek fikiran BN bahawa

Pakatan bukan sekadar menjanjikan urus tadbir ekonomi yang baik, bahkan menawarkan pentadbiran berintegriti dan telus seperti yang terbukti di negeri pimpinannya.

Dalam keadaan 'daif' tanpa peruntukan dana berbilion ringgit, Pakatan mampu menghasilkan kajian yang akan membebaskan rakyat daripada belunggu ekonomi.

Tahun lalu, Pakatan memberi perhatian kepada empat kepincangan pentadbiran ekonomi BN seperti kelemahan tatakelola, pergantungan pentadbiran kepada hasil minyak dan gas, perjanjian Trans Pasifik Asia (TPPA) yang tidak telus dan GST sebagai cukai regresif.

Manakala, fokus kebajikan adalah terhadap kadar gaji yang adil untuk rakyat, bebanan sara hidup, hak perumahan dan ekonomi desa yang sejahtera.

Walaupun BN malu mengaku mereka 'menciplak' idea dan rangka belanjawan pembangkang, ia bukan hal besar kepada Pakatan.

Bagi Pakatan, ia adalah sebahagian usaha untuk mewujudkan satu budaya baru iaitu

berbincang dasar dan persaingan sihat serta ilmiah supaya kesimpulan terbaik dapat dicapai.

Namun, bak kata bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, "kami tidak kisah jika kerajaan mengambil (idea) dan berterima kasih dengan cadangan Pakatan, tetapi kami tidak lihat perkara itu berlaku."

Idea meniru itu bukanlah luar biasa bagi BN kerana sebagai contoh beberapa tahun lalu, Pakatan menumpukan kepada 60 peratus isi rumah Malaysia yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Beberapa minggu selepas pengumuman itu dibuat, kerajaan BN tanpa segan-silu meniru pendekatan itu kerana mendapati golongan berpendapatan kurang RM3,000 sebulan menerima kesan secara langsung ekoran kenaikan harga barang.

Seperti biasa, Pakatan sentiasa bersikap terbuka jika BN mahu meniru bajet mereka asalkan yang beroleh faedah adalah rakyat jelata.

Namun, memang baik untuk BN meniru perkara positif demi kebaikan rakyat cuma agak memalukan bila mereka terpaksa mencuri idea orang lain tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya.

Itu belum mengambil kira

idea yang divedok dari negeri di bawah Pakatan seperti Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan.

Pakatan banyak menawarkan pemberian tunai dan program kebajikan kepada rakyat seperti yang ditiru BN tetapi perbezaan besar yang 'memisahkan' kesamaan itu adalah pentadbiran telus, adil dan bebas rasuah.

Lagipun, apa yang boleh dibanggakan dengan tawaran BN untuk membela nasib rakyat? Menghapuskan GST? Menurunkan harga petrol dan tol? Jauh sekali rasanya akan terlaksana.

Apakah bonus untuk kakitangan awam yang tidak seberapa itu boleh menyelesaikan kemiskinan rakyat sedangkan jumlah pekerja teramai adalah daripada sektor swasta.

Di manakah pelaksanaan gaji minima untuk mereka? RM900 sebulan sebagai gaji minima boleh dikatakan kais pagi makan pagi.

Pendek kata, bajet BN terutama di bawah pentadbiran Datuk Seri Najib Razak gagal menangani masalah ekonomi rakyat sejak sekian lama.

Sampai bilakah kita harus membiarkan negara ditadbir oleh mereka yang ternyata gagal?

Tepuk dada, tanyalah selera.



Maal Hijrah

Lambang penyatuan umat

OLEH HAFIZAN TAIB

MAAL Hijrah disambut umat Islam setiap tahun dengan penuh kesyukuran dan keinsafan akan kebesaran Allah SWT yang mengurniakan keberkatan juga limpah nikmat serta rezeki terhadap hambaNYA.

Ia disambut dalam suasana sederhana tetapi meriah dengan majlis keraian dan doa kesyukuran yang diadakan di majoriti masjid juga surau di seluruh negara.

Hari pertama dalam kalendar Islam, Awal Muharam sentiasa diingati sebagai tarikh penting berlakunya peristiwa bersejarah iaitu penghijrahan Rasulullah SAW dari kota Makkah ke Madinah.

Penghijrahan baginda membawa pengertian besar apabila berjaya membentuk penyatuan antara puak Muhajirin dan Ansar hingga terbina sebuah kerajaan Islam yang kuat serta penyebaran agama Islam ke seluruh dunia.

Umat Islam wajar mencontohi semangat Rasulullah SAW yang tidak mudah putus asa dalam perjuangannya demi menegakkan syiar Islam.

Kemufakatan dan penyatuan masyarakat serta bangsa amat penting dalam kemajuan sesebuah negeri seterusnya negara, maka sambutan Maal Hijrah wajar dijadikan rakyat sebagai wadah perjuangan yang diinginkan bersesuaian dengan tema di peringkat Selangor iaitu Umat Bermuafakat Negeri Berkat.

"Peristiwa Hijrah Nabi Muhammad SAW amat penting kerana perkembangan dakwah dan syiar Islam semakin kukuh sehingga hari ini.

"Sehubungan itu, mari kita berazam untuk belajar daripada sirah Rasulullah SAW dengan penuh keikhlasan supaya dapat mengambil iktibar daripadanya, sekali gus berusaha memartabatkan syiar Islam ke peringkat tertinggi," kata Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Selangor kali ini menganugerahkan Tokoh Mall Hijrah 1437 kepada Prof Dr Zainul Rashid Mohamad Razi.

Anugerah terbabit disampaikan Teng-

ku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah Al-Haj mewakili kekandanya, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Anak kelahiran Sabak Bernam berusia 57 tahun itu adalah Timbalan Dekan Siswazah dan Hubungan Antarabangsa serta seorang pakar dalam Obsterik dan Ginekologi, Kesuburan di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau adalah individu penting dalam jawatankuasa membina dan membaik pulih surau dan masjid Ibnu Sina Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia selain seorang pegawai penerangan berhubung perubatan dan Islam di masjid di kawasan kediamannya.

Selain menabur jasa dan bakti kepada seluruh masyarakat umum tanpa mengira agama juga bangsa khususnya dalam bidang perubatan, beliau sentiasa terabit dalam pembentangan kertas kerja berkenaan bidang diceburi sama ada di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

Dengan penganugerahan itu, Zainul Rashid menguatkan azam untuk terus memajukan kerjaya dan menabur bakti kepada masyarakat, bangsa, agama serta negara.

"Sebagai insan kerdil, saya tidak menduga terpilih untuk anugerah ini. Terima kasih kepada keluarga yang sentiasa menyokong dan universiti yang mencalonkan saya.

"Sebagai anak Selangor, saya berbesar hati dan mudah-mudahan ia akan membuatkan saya lebih maju selepas ini," katanya.

Selain itu, beberapa anugerah lain juga diberi seperti Tokoh Saudara Kita kepada Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam UKM, Dr Nur Athiroh Masyaa'il Abdullah, 40.

Diikuti Tokoh Keluarga Mithali kepada pasangan Haron Ahmad dan Nuraini Ismail serta anugerah Pertubuhan atau Badan Dakwah Sukarelawan Selangor kepada Pertubuhan Kebajikan Wanita Islam Selangor (BAKEWANIS).



PKNS

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

KENYATAAN TENDER PRA-KELAYAKAN

Pra-Kelayakan adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **Gred Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-

CADANGAN PEMBANGUNAN BAGI MEMBINA DAN MENYIAPKAN :

I) FASA 1 YANG MENGANDUNGI :

- 8 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT (JENIS A) DAN 34 UNIT KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT (JENIS B)
- SEBUAH PENCAWANG ELEKTRIK
- SEBUAH RUMAH PAM
- KOLAM TAKUNGAN AIR (OSD)

II) FASA 2 YANG MENGANDUNGI 418 UNIT PANGSAPURI MAMPU MILIK :

- BLOK A (10 TINGKAT) BESERTA 5 TINGKAT TEMPAT LETAK KERETA, PENCAWANG ELEKTRIK, TADIKA, KAFETERIA, PEJABAT PENGURUSAN, BILIK MESYUARAT, BILIK BACAAN, BILIK PERSALINAN + TANDAS, GELANGGANG FUTSAL, GELANGGANG BADMINTON DAN TAPAK PERMAINAN KANAK-KANAK.
- BLOK B (12 TINGKAT) BESERTA BILIK PENGURUSAN MAYAT DAN RUANG SERBAGUNA.
- BLOK C (12 TINGKAT) BESERTA SURAU, DEWAN SERBAGUNA DAN BILIK SERBAGUNA
- TAPAK PERMAINAN KANAK-KANAK
- 2 BUAH RUMAH SAMPAH

DI ATAS PT 11466 DAN PT 11415, KG. SRI TEMENGGUNG, MUKIM BATU, DAERAH GOMBAK, SELANGOR DARUL EHSAN.

NO. KONTRAK : PKNS/IP/SLG/KON-10/2015

No.	Perkara	Huraian
1.	Skop Kerja	<ol style="list-style-type: none"> Kerja-kerja Awalan Kerja-kerja Cerucuk Kerja-kerja Bangunan Kerja-kerja Mekanikal & Elektrikal Kerja-kerja Infrastruktur Kerja-kerja Landskap Kerja-kerja lain yang berkaitan
2	Syarat-syarat Pra-Kelayakan	<ol style="list-style-type: none"> Syarat pendaftaran adalah berdaftar dengan CIDB Gred G7 Pengkhususan B04, CE21 Sijil Pengiktirafan Bumiputera (PKK), Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dari CIDB. (Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB dari memasuki tender tidak layak untuk memasuki Pra-Kelayakan). ** Sila bawa bersama SIJIL ASAL dan Satu Salinan setiap sijil berikut semasa pembelian. Berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia didalam GST. Mempunyai Pengalaman 'Qlassic' atau 'CONQUAS' bagi projek perumahan Mempunyai pensijilan dan pengalaman kerja- seperti yang disenaraikan di bawah : <ol style="list-style-type: none"> Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2008) Amalan kerja yang berkaitan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OHSAS 18001:2007) Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001:2004) (Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen Pra-Kelayakan) Mempunyai keupayaan kewangan dan keupayaan Teknikal <ol style="list-style-type: none"> Nilai 'Nett Worth' melebihi RM4.0 Juta atau Modal Pusingan melebihi RM2.0 Juta Nilai tahunan keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas tidak kurang daripada RM 100 Juta Rekod prestasi kerja yang memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyediaan dan mutu kerja Pengalaman projek sebanding
3	Borang Pra-Kelayakan	<p>Borang PraKelayakan boleh diperolehi di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan dari 22 Oktober 2015 sehingga 04 November 2015 semasa waktu pejabat, tidak lewat dari 5.00 petang dari Isnin hingga Jumaat.</p> <p>Borang PraKelayakan hanya akan dikeluarkan kepada kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa dan membawa bersama sijil asal pendaftaran.</p> <p>Bayaran Dokumen PraKelayakan RM 53.00 (Termasuk 6% GST) yang perlu disediakan dalam bentuk Wang Pos atau Bank Draf atas nama : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR. (Bayaran ini tidak akan dikembalikan)</p>
4	Penyerahan Dokumen	<p>Borang yang telah lengkap dengan CV terperinci berserta dokumendokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterai dan bertulis dengan jelas tajuk projek hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat :</p> <p>Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Tingkat 7, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park, No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. No. Tel : 0355201234 atau layari Web Tender PKNS di http://etender.pkns.gov.my</p>
5	Tarikh Tutup Penyerahan Pra-Kelayakan	11 November 2015 sebelum jam 12.00 Tengahari

• Dokumen yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Hanya Kontraktor-kontraktor yang disenarai pendek sahaja akan dimaklumkan dan layak ke peringkat Tender seterusnya.



Bandar Biomass menjelang 2020

OLEH AFIX REDZUAN

PUCHONG - Pusat Biomass Bersepadu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) aktif beroperasi sebagai kemudahan sokongan utama kepada Program Pengurangan Sisa Pepejal.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata objektif utama pusat itu adalah mencapai sasaran pengurangan sisa pepejal dihapuskan sebanyak 22 peratus menjelang 2020.

Katanya, hasrat itu untuk menjadikan MPSJ sebagai Bandar Biomass 2020 dan perbandaran 'Vibrant'.

"Konsep sisa kepada hasil apabila sisa organik diproses menjadi kompos. Contoh projek menggunakan konsep ini

adalah Projek Kompos Sisa Kebun, Projek Kompos Sisa Makanan dan Projek 'Vermicompost'. "Manakala konsep sisa kepada tenaga, sisa organik diproses bagi mendapatkan bahan bakar seperti gas metana yang boleh ditukar menjadi tenaga elektrik melalui proses 'Anaerobic Digestion,'" katanya.

Pusat operasi di Bandar Bukit Puchong itu berjaya menghasilkan produk hijau melalui pengenalan dua konsep sisa kepada hasil dan sisa kepada tenaga sejak beroperasi sepenuhnya, pada 2013.

Selangor Kini difahamkan, pusat itu berjaya memproses 50.44 tan sisa organik melalui konsep 'waste-to wealth' merangkumi 34.65 tan sisa kebun, 7.22 tan kaun kering, 8.57 tan sisa makanan sepanjang 2014.

Hasil usaha gigih MPSJ untuk 2015 menyaksikan mereka menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) tunggal menerima Anugerah Green World Ambassador 2015.

Kejayaan berganda itu hadir selepas mereka memenangi Green Apple Environment Award 2014 melalui inisiatif hijau serta inisiatif Biomass MPSJ.

Ke arah bandar hijau Sisa makanan jadi pendapatan

PUCHONG - Orang awam boleh memperoleh RM1 untuk setiap kilogram (kg) sisa makanan melalui Kempen Pembelian Sisa Makanan anjuran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Bagaimanapun, ia hanya layak kepada sisa makanan bebas bendasing seperti bahan plastik, tisu, tulang lembu, tempurung kelapa atau sisa makanan tidak mudah hancur.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata kempen itu sebahagian usaha membentuk Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030.

"Ia adalah serampang dua mata. Selain memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan kepentingan mengasingkan sisa makanan, ia juga menjadi pendapatan sampingan.

"Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MPSJ sudah mengedarkan 129 tong sampah pengasingan sisa makanan untuk memudahkan penduduk.

"Kutipan sisa dilakukan kontraktor tanpa dikenakan sebarang bayaran," katanya dalam sidang media di Bukit Puchong, di sini.

Pada 5 Oktober lalu, MPSJ melancarkan Kempen Pembelian Sisa Makanan membabitkan Taman Perumahan Bandar Bukit Puchong 1,2 dan 3.

Setakat 15 Oktober lalu, se-

“

Ia adalah serampang dua mata selain memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan mengasingkan sisa makanan

NOR HISHAM
Yang Dipertua MPSJ

jumlah 1,094.25 kg sisa makanan berjaya dikutip dari kaunter pembelian.

Projek perintis itu terhasil daripada program 'Friendship City' bersama bandar Hioki, Jepun dengan peruntukan RM10,000.

Nor Hisham berkata, sisa makanan terkumpul itu diproses bagi penghasilan gas dan seterusnya ditukar kepada tenaga elektrik melalui proses 'Anaerobic Digestion' di dalam mesin direka bentuk SIRIM Berhad.

"Melalui strategi 'National Blue Ocean', SIRIM Berhad memberikan kepakaran teknologi dan bekerjasama dengan MPSJ bagi melaksanakan projek ini dengan sebaik mungkin," katanya.



Nisbah plot 1:8 MPSJ belum dilulus

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) belum meluluskan cadangan Pembangunan Berorientasi Transit (TOD) dengan nisbah plot 1:8 seperti didakwa.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berkata pihak berkuasa tempatan (PBT) itu masih kekal dengan nisbah plot 1:4 dalam projek pembangunannya.

Katanya, hanya Jabatan Perancang Negeri meluluskan garis panduan baru sistem TOD untuk terminal Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran Ringan (LRT).

"Dakwaan MPSJ meluluskan ratio 1:8 tidak tepat kerana setiap PBT perlu mendapat pengesahan atau kelulusan mesyuarat lembaga sebelum boleh dilaksanakan.

"MPSJ memaklumkan kelulusan 1:8 tidak diberikan sekarang, sebaliknya menunggu projek LRT itu selesai bagi membuktikan ia boleh mengurangkan aliran trafik," katanya dalam sidang media, di Pejabat DAP, pada 18 Oktober lalu.

Pada masa sama, Hannah berkata penerangan berkenaan garis panduan baru itu dibincangkan

dalam masa terdekat bersama Adun dan kawasan mereka yang terbabit.

Katanya, isu itu juga akan dibangkitkan dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) untuk mendapat penjelasan lanjut daripada Kerajaan Negeri.

"DUN dan mesyuarat itu menjadi platform rasmi kepada semua Adun untuk mengemukakan ban-

tahan.

"Bagaimanapun, saya bangga dengan MPSJ yang menyatakan pendirian untuk tidak melaksanakan nisbah plot ratio baru itu," katanya.

Terdahulu, sebuah akhbar berbahasa Inggeris melaporkan projek masa depan dengan garis panduan baru berpusat di sekitar LRT dan MRT diluluskan MPSJ.

383 gagak ditembak elak gangguan

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Sebanyak 383 burung gagak berjaya ditembak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) ekoran aduan gangguan bau najis, bunyi dan najis burung bertaburan, baru-baru ini.

Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj dalam kenyataan media memaklumkan, aktiviti itu dilakukan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Kelab Menembak Kajang.

"Kehadiran burung gagak ini sering tertumpu di kawasan mempunyai sumber makanan seperti medan selera, tapak pembuangan sampah dan kawasan teduhan seperti pokok rendang sebagai tempat pembiakan.

"Burung gagak banyak memberi kesan buruk kepada manusia dan menjadi salah satu punca penularan wabak penyakit seperti selsema burung (H5N1), keracunan makanan (najis burung), pepijat, hama dan penyakit yang boleh menyebabkan kematian," katanya.

Sehubungan itu, katanya, pihak jabatan bersetuju melantik Kelab Menembak Kajang men-



jalankan kerja menembak gagak di kawasan operasi MPKj sebagai kawalan pembiakan tidak terkawal populasi burung gagak.

MPKj berharap dengan adanya aktiviti menembak gagak di Ban-

dar Mahkota Cheras, Kajang, dan Semenyih tahun ini dapat mengurangkan aduan gagak liar serta mengurangkan populasi di lokasi itu.

"la secara tidak langsung me-

nyekat penularan wabak penyakit yang disebabkan burung gagak. Aktiviti ini dijadikan rutin jabatan menangani masalah gagak liar di kawasan operasi MPKj seti-ap tahun," katanya.

Kuatkuasa operasi tunda kereta di Shah Alam



Shahrin Ahmad

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan menguatkuasakan operasi penundaan kenderaan sekitar kawasan Shah Alam khususnya Plaza Alam Sentral, pusat bandar, Kota Kemuning dan Sungai Buloh.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad, berkata operasi itu bertujuan mendidik orang ramai untuk meletakkan kenderaan masing-masing di tempat letak kereta yang disediakan.

"Ini juga dapat memastikan keadaan jalan tidak mengalami kesesakan lalu lintas seterusnya mengakibatkan aliran trafik terganggu ekoran kenderaan diletakkan di bahu jalan.

"Operasi ini juga adalah respon kepada aduan awam yang diterima MBSA terhadap kenderaan yang diletakkan di bahu jalan khususnya di sekitar Plaza Alam Sentral dan pusat bandar," katanya dalam satu kenyataan.

Shahrin berkata, kompaun dan caj penundaan RM270 dikenakan terhadap kenderaan biasa yang ditunda, sementara RM350 bagi pacuan empat roda.

Pemilik kenderaan yang ditunda boleh menuntut kenderaan mereka mengikut kawasan seperti di Depoh Tunda MBSA, Seksyen 17, Pejabat Cawangan Kota Kemuning MBSA, Seksyen 31 dan Depoh Tunda Pejabat Cawangan Sungai Buloh MBSA, Seksyen U20.

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan operasi, orang ramai boleh menghubungi Depoh Tunda, Bahagian Penguatkuasaan di talian 03-55416879.

411 tikus ditangkap hingga September

SHAH ALAM - Sikap pemilik premis yang mengabaikan aspek kebersihan dan gemar meninggalkan sisa makanan dalam kebuk sampah dikenal pasti penyumbang kepada punca pembiakan tikus di sekitar Klang.

Ketua Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Klang (MPK), Norfiza Mahfiz, berkata 411 tikus ditangkap sepanjang Januari hingga September tahun ini dengan menggunakan kaedah perangkap tikus dan pelekak di

lokasi dikenal pasti.

"Operasi diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan isu membabitkan tikus dapat ditangani bagi mengelak masalah kesihatan yang dibawa haiwan berkenaan.

"Kawasan kebuk sering menjadi sasaran tikus untuk dapatkan makanan dan lama-kelamaan menjadi tempat pembiakan dalam jumlah yang besar," katanya dalam kenyataan.

Norfiza berkata, 'scupper drain (parit erong) dan longkang lama juga antara lokasi sasaran dan pembiakan mahluk perosak itu.

Katanya, beberapa lokasi dikenalpasti mencatatkan jumlah tikus yang tinggi antaranya Bandar Baru Klang, Bandar Bukit Tinggi dan Pusat Bandar Klang Utara (kawasan Centrepoint).



“**Operasi diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan isu berkaitan tikus dapat ditangani**”

NORFIZA MAHFIZ
Ketua Komunikasi Korporat MPK



Yuran rendah 'pikat' pelajar pilih UNISEL

SHAH ALAM - Yuran pengajian murah terus menjadi daya penarik kepada kemasukan pelajar ke Universiti Selangor (UNISEL) untuk menyambung pengajian mereka.

Perkara itu disahkan pelajar baru pengambilan Oktober, Muhamad Amri Putra Safhee, 19, yang turut menyifatkan yuran pengajian di universiti swasta itu juga setimpal dengan kemudahan fasiliti ditawarkan.

"Asrama yang ada juga me-

narik dan cantik dengan kemudahan terbaik walaupun yuran yang dikenakan murah," katanya.

Pandangan sama turut dikongsi Rohaya Abdul Malik, 20, selain yakin dengan reputasi UNISEL.

Katanya, lokasi Kampus Bestari Jaya yang terletak jauh dari bandar juga menguatkan lagi keputusannya untuk meneruskan pengajian di UNISEL.

"Ramai kenalan cakap belajar di sini seronok kerana terle-

tak di kawasan luar bandar.

"Saya harap dapat belajar bersungguh-sungguh dan berjaya," katanya.

Keyakinan golongan pelajar memilih melanjutkan pelajaran mereka di UNISEL meningkat apabila 11,300 termasuk pelajar antarabangsa mendaftar di institusi itu, setakat Julai lalu.

Kampus UNISEL dan Bestari Jaya mampu menampung kapasiti sehingga 14,000 pelajar.



Muhamad Amri Putra Safhee



Rohaya Abdul Malik



Empat sekolah persendirian Cina terima bantuan RM2 juta

KLANG - Sebanyak empat sekolah persendirian Cina menerima sumbangan cek bernilai RM2 juta daripada Kerajaan Negeri, 15 Oktober lalu.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata bantuan itu seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri mempertingkatkan kualiti pendidikan dengan persekitaran sekolah kondusif untuk pembelajaran.

"Sumbangan diberi sebagai penghargaan kepada Sekolah Persendirian dalam pembangunan negeri selain melahirkan modal insan yang berkualiti.

"Saya kagum dengan watak dan pembawakan Sekolah Kwang Hwa yang mengingatkan kepada madrasah tradisional, sekolah katolik dan sekolah awam British," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis penyampaian cek yang diadakan di Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua, Taman Eng Ann, di sini.

Selain bantuan ke sekolah persendirian, Nik Nazmi berkata bantuan sama turut dihulurkan ke institut pengajian tinggi.

Katanya, antara langkah diambil adalah mengiktiraf Unified Examination Certificate (UEC) di peringkat negeri, Universiti Se-

“

Sumbangan diberi sebagai penghargaan kepada Sekolah Persendirian dalam pembangunan negeri selain melahirkan modal insan yang berkualiti

NIK NAZMI
Exco Pendidikan

langor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

"KUIS juga telah mula mengiktiraf UEC di dalam beberapa program," katanya.

UNISEL juara ping pong IPT

SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) menempa nama apabila muncul juara dalam Kejohanan Ping Pong Institut Pengajian Tinggi (IPT) Sirkit2 2015, baru-baru ini.

Kejayaan itu diperoleh melalui Pelajar Fakulti Perniagaan, Mohamad Hasri Fikri Mohamad Taufik yang berjaya layak ke separuh akhir pada sirkit 1 sebelum merangkul kejuaraan perseorangan lelaki.

Pengurus pasukan, Mohd Anuar Husin percaya UNISEL dapat mengekalkan kejuaraan pada

Sukan IPT (SUKIPT) 2016 yang dijadualkan berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor.

"Ini petanda baik kerana walaupun baru pertama kali menyertainya, kita sudah bergelar juara. Kita harap kejuaraan ini dapat dikekalkan di dalam SUKIPT," katanya.

Menyifatkan kemenangan itu sebagai pembakar semangat, Mohd Anuar berharap pelajar lain turut sama berjuang mengharumkan nama UNISEL dalam bidang sukan.

Pupuk rasa cinta bahasa, si cilik diajak bercerita

SHAH ALAM - Aksi si cilik dari pra sekolah dan sekolah rendah bercerita ternyata mencuit hati dan memeriahkan lagi Pertandingan Bercerita Ala Penglipur Lara di Perpustakaan Raja Tun Uda, pada 7 Oktober lalu.

Pertandingan anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) itu bertujuan memupuk rasa cinta dan kemegahan terhadap bahasa Melayu.

Pengarahnya, Mastura Muhamad, berkata ia antara program PPAS sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) membabitkan penyertaan semua lapisan masyarakat dalam kegiatan bahasa dan sastera kebangsaan.

"Program ini dirangka untuk menyerlahkan fungsi serta peranan bahasa dan sastera kebangsaan sebagai salah satu tonggak pembinaan tamadun bangsa dan negara.

"Ia juga mengerat dan memperkukuh perpaduan bangsa khususnya dalam kalangan warga Selangor dan sekitar," katanya kepada Selangor Kini.

Dalam kategori pra sekolah, pertandingan dimenangi Nur Afiqah Qistina Simar dari Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Unjur dengan tajuk cerita 'Si Tanggung Anak Derhaka'.

Manakala, Nur Aliah Najihah Mohd Khanizam dari SK Lubok Kelubi dengan tajuk cerita 'Takar Emas' menjuarai kategori sekolah rendah.

Pemenang membawa pulang hadiah wang tunai, plak dan sijil penyertaan yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Penyelidikan Sastera merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras BBK 2015, Dr Mohd Hanafi Ibrahim.

Perangi denggi dengan 'Mosquito Magnet'



OLEH NORHAYATI UMOR

PETALING JAYA - 'Mosquito Magnet' atau perangkap nyamuk dipercayai mampu mengurangkan populasi nyamuk, sekaligus mencegah penularan aedes penyebab demam denggi.

Adun Bukit Gasing, R Rajiv, berkata inisiatif itu dimulakan di Taman Jaya dan Gasing Indah dengan kos pemasangan

RM4,800 seunit.

"Kita menerima rungutan daripada pengunjung bahawa nyamuk banyak di sini. Namun, ia akan diletakkan secara bergilir di seluruh taman atau kawasan lain.

"Kesan daripada alat ini boleh pergi sejauh satu ekar kecuali jika ada halangan bangunan atau sebagainya," katanya.

Rajiv turut menyarankan ini-

siatif memasang peralatan itu dilaksanakan Kerajaan Negeri ekoran penggunaan teknologi itu terbukti berkesan di beberapa negara termasuk Amerika Syarikat.

"Sebagai permulaan mungkin Kerajaan Negeri boleh memasang 100 unit di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT). Ia juga sudah digunakan di Pulau Pinang dan Sarawak," katanya.

PEKAWANIS bantu wanita mahir bahasa Inggeris

SEMENYIH - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) merancang menganjurkan program bimbingan bahasa Inggeris kepada orang ramai.

Yang Dipertuanya, Shamshida Tahirin, berkata program itu akan menjadikan pusat komuniti sebagai kelas pembelajaran yang dijalankan secara berperingkat terbuka kepada golongan wanita daripada pelajar sekolah sehingga dewasa.

"Kita membuat pelbagai program wanita dengan yang terba-

haru kita merancang menganjurkan program bimbingan bahasa Inggeris kepada orang ramai dan ia masih dalam perbincangan

"Ini kerana, Bahasa Inggeris adalah keperluan kemahiran untuk membina kerjaya dan mencari pekerjaan," katanya kepada Selangor Kini, pada 17 Oktober lalu.

Shamshida berkata, PEKAWANIS juga berhasrat menganjurkan program kesihatan bersama pasukan paramedik untuk turun ke rumah penduduk terutama warga emas.

'Up-Close & Personal' suntik semangat ibu tunggal

BANGI - Warga Bangi terutama golongan ibu tunggal digesa untuk lebih berani memanfaatkan peluang perniagaan di bandar ilmu itu.

Adun Bangi, Shafie Ngah, berkata perniagaan membuatkan golongan itu akan lebih berdaya serta berdaya saing dalam meningkatkan taraf hidup mereka.

Katanya, mereka juga secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan.

"Anda semua harus memanfaatkan peluang yang ada memanfaatkan terdapat hampir 100,000 penduduk di Bangi.

"Malangnya, kebanyakan perniagaan adalah orang luar. Menga-

pa orang Bangi tidak memanfaatkan peluang yang ada," katanya dalam program up-close dan personal bersama Adun Bangi, baru-baru ini.

Bertempat di Kompleks PKNS Bangi, program anjuran bersama Pusat Wanita Berdaya (PWB) Bangi itu disertai kira-kira 300 ibu tunggal.

Pada masa sama, Shafie yang juga Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS) turut merasmikan Persatuan Berdaya Ibu Tunggal Bangi yang menerima kelulusan ROS, pada 16 Oktober lalu.

"Kita harap persatuan ini dapat terus bergerak aktif merencanakan program bagi memberdaya wanita Bangi," katanya.



YAB Tuan Mohamed Azmin Bin Ali
Dato' Menteri Besar Selangor

YB Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor

YES: Youth Enhancement Strategy Selangor (Program Peningkatan Kemahiran Belia Strategik Selangor)

1 Program
Kursus Teknologi Pembuatan Plastik

2 Syarat Kelayakan

- Warganegara Malaysia tidak melebihi umur 24 tahun
- Lulusan SPM (minimum lulus 3 mata pelajaran)

3 Persijilan

- Certificate II in Engineering dari Box Hill TAFE, Australia

4 Tempoh Latihan

- Program selama 6 bulan ini merangkumi:
- 3 Bulan latihan formal (Kelas & Makmal)
- 3 Bulan latihan sambil kerja (OJT)

Kursus Untuk Lulusan SPM!

Nilai Tambah

- Yuran pengajian dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Selangor
- Peluang pekerjaan di Industri yang terpilih
- Elaun sara hidup RM300/bulan (dibiayai Kerajaan Selangor)
- Elaun tambahan semasa OJT ditaja oleh syarikat.

Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor

Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC)

Anjuran: **selangorku**



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi En Misnin / Pn Farah

Selangor Human Resource Development Centre
No.1, Ground Floor, Block 2, Pusat Perniagaan Worldwide (Worldwide Business Park)
Jalan Tinju 13/50, Section 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
tel. +603 5513 3560 fax. +603 5513 3490 email. info@shrdc.org.my www.shrdc.org.my

Prof Dr Zainul Rashid dinobatkan Tokoh Maal Hijrah 1437



OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Timbalan Dekan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Zainul Rashid Mohamad Razi, 57, dinobatkan Tokoh Maal Hijrah 1437 peringkat Selangor, di sini, pada 14 Oktober lalu.

Majlis sambutan tahun baharu Hijrah dan penganugerahan berlangsung di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, dalam suasana sederhana tetapi meriah dengan kehadiran muslimin dan muslimat seluruh Selangor.

Anugerah itu disampaikan Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah, yang mewakili kekandanya, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Baginda turut menyampaikan Anugerah Tokoh Keluarga Mithali kepada pasangan Haron Ahmad dan Nuraini Ismail; Tokoh Saudara Kita, Dr Nur Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah dan Anugerah Pertubuhan atau Badan Dakwah Sukarelawan Selangor, Pertubuhan Kebajikan Wani-

ta Islam Selangor (BAKEWANIS).

Majlis dimulakan selepas solat Maghrib dengan Tengku Sulaiman melafazkan titah perasmian sambil diikuti bacaan ayat suci Al-Quran dan tazkirah agama.

Anugerah Tokoh Maal Hijrah adalah anugerah tahunan kepada individu yang banyak menabur bakti kepada agama, bangsa dan negara dalam pembabitian pelbagai aktiviti seperti sosial, ekonomi dan pendidikan yang memberi kesan kepada gerakan dan perkembangan Islam.

Ketepi semangat asabiyyah elak perpecahan

SHAH ALAM - Masyarakat Islam perlu mengeneppikan semangat asabiyyah, perbezaan mazhab dan perasaan hasad dengki bagi memastikan ukhuwah serta jalinan muafakat terus kukuh sehingga menjadi teladan kepada penganut agama lain.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin Munawi, berkata pegangan itu perlu menjadi keutamaan supaya umat Islam tidak dilanda perpecahan.

Katanya, tema sambutan Maal Hijrah peringkat Selangor tahun ini adalah 'Umat Bermuafakat Negeri Berkat' bersesuaian dengan keadaan umat Islam yang berpecah-belah terutama di sebahagian besar negara Islam.

"Keadaan ini berlaku walaupun mereka bertutur dalam bahasa sama iaitu Arab dan berpegang kepada kitab Al-Quran.

"Bahasa sepatutnya boleh mengeratkan bangsa tetapi tidak bagi bangsa Arab. Bahkan, ini cabaran utama bagi umat Islam hari ini," katanya ketika majlis sambutan Maal Hijrah 1437 pe-

ringkat Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, pada 14 Oktober lalu.

Beliau berkata, umat Islam perlu merenung kembali peristiwa penting ketika Rasulullah S.A.W berhijrah ke Madinah iaitu tindakan baginda mempersaudarakan penduduk asal kota berkenaan iaitu golongan Ansar dengan Muhajirin dari Mekah.

Katanya, peristiwa itu berjaya mengangkat Islam ke tahap lebih tinggi dan jalinan permuafakatan antara dua golongan berkenaan menjadikan perjuangan menegakkan Islam semakin kuat serta akhirnya tertubuh sebuah negara Islam yang turut disokong masyarakat bukan Islam.

Majlis itu dihadiri Tengku Panglima Diraja Selangor, Tengku Sulaiman Shah, mewakili kekandanya, DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Dato' Menteri Besar diwakili Exco Agama Islam, Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi dan disertai Exco Kerajaan Negeri.

LZS buka cawangan baru di Cyberjaya

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) melebarkan lagi sayap operasinya dengan pembukaan cawangan terbaru di Cyberjaya.

Pengurus Besar Komunikasi Korporat LZS, Norajun Ainun Mohd Hashim, berkata cawangan ke-27 di Masjid Raja Haji Fisabilillah, Cyber 4 bertujuan memudahkan masyarakat Islam di kawasan sekitar membuat urusan berkenaan zakat.

Katanya, selain perkhidmatan taksiran dan pembayaran zakat, cawangan itu juga memberi perkhidmatan agihan kepada penduduk setempat.

"Waktu operasi bermula pada jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang setiap hari Isnin hingga Khamis, manakala hari Jumaat pada jam 8.30 pagi sehingga 4.45 petang.

"Cawangan ini turut beroperasi pada hari Sabtu minggu kedua dan keempat dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang," katanya dalam kenyataan.

Maklumat lanjut berkenaan zakat boleh diperolehi dengan melayari portal LZS di www.zakatselangor.com.my atau menghubungi talian Zakat Selangor 1-800-88-5353.

Dakwah santai menelusuri ceruk daerah



SHAH ALAM - Pendekatan dakwah santai yang diketengahkan dalam program Bual Bicara – Jalan Ke Syurga diperluas ke peringkat daerah melalui pelbagai aktiviti ekoran sambutan membanggakan.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu, Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata program seumpama itu diselitkan dalam Karnival Kampungku Kesayanganku (3K), bermula tahun depan.

"Program Bual Bicara – Jalan Ke Syurga peringkat negeri diharap dapat diperluaskan ke peringkat daerah dengan Jabatan Agama Islam daerah mengambil inisiatif mengadakannya.

"Program ilmu berbentuk informal yang boleh diadakan di lokasi santai seperti kawasan pasar malam dan tempat menjamu selera bersama masyarakat terutama anak muda," katanya kepada Selangor Kini pada 18 Oktober lalu.

Pada masa sama, Ahmad Yunus juga sedang giat merangka penambahbaikan program 3K seperti bengkel pasca perkahwinan.

"Terdapat permintaan untuk diadakan program seperti itu apabila kita melihat

berlaku banyak kes perceraian dan pergaduhan dalam sistem kekeluargaan, akhirnya ini" katanya.

#KitakanIslam
BUAT KERANA ALLAH

Sumbangan untuk:
Rumah Ngaji@Rumah Maghfirah
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794
No Akaun: 1621 5171 1707 (Maybank)

RUMAH
ngaji

PKNS FC tekad ke suku akhir

SHAH ALAM - Kejayaan menundukkan Pahang menguatkan semangat PKNS FC meneruskan kecemerlangan dalam perlawanan seterusnya bagi melayakkan diri ke suku akhir Piala Malaysia.

Pengurusnya, Mahfizul Rasydin Abdul Rashid, berkata kemenangan dicatatkan ketika berdepan juara bertahan itu meningkatkan keyakinan pemain berhadapan lawan selepas ini.

"Seharusnya PKNS FC mencipta kemenangan dalam perlawanan menentang Pulau Pinang dan PDRM selepas ini bagi menjamin tempat ke suku akhir Piala Malaysia.

"Pasukan tidak harus cepat berpuas hati dengan pencapaian sekarang dan perlu bekerja kuat bagi mencapai sasaran itu," katanya kepada Selangor Kini.

Mengulas kemenangan diraih di Stadium Darul Makmur, Kuantan, pada 17 Oktober lalu, beliau berkata pengurusan mengkaji corak permainan skuad Tok Gajah dan merangka beberapa strategi dan taktikal yang ternyata menjadi.

Katanya, berdasarkan kelemahan terdahulu pasukan memperingkatkan latihan untuk mendapatkan penyudah berkesan.

"Pasukan beraksi cemerlang dengan corak permainan bertahan dan menyerang yang membuah hasil hingga mencatat kemenangan selesa empat gol.

"Keadaan sebaliknya berlaku



Seharusnya PKNS FC mencipta kemenangan dalam perlawanan menentang Pulau Pinang dan PDRM selepas ini bagi menjamin tempat ke suku akhir Piala Malaysia

MAHFIZUL RASYDIN
Pengurus PKNS FC

kepada pasukan lawan dan apabila mendahului PKNS FC serta berupaya mengekal kelebihan hingga tamat permainan," katanya.

PKNS FC berjaya menebus kehampaan apabila mengalahkan Pahang 4 - 1 untuk memintas pasukan itu dalam kedudukan teratas Kumpulan D dengan tujuh mata.

Intai 'Misi 33'

Red Giants sasar ke perlawanan akhir

OLEH HAFIZAN TAIB

SERDANG - Red Giants mensasarkan layak ke perlawanan akhir bola sepak Piala Malaysia tahun ini bagi menyempurnakan hasrat misi menjuarai piala itu untuk kali ke-33.

Pengurusnya, Amirudin Shari, berkata sasaran itu tidak boleh direalisasikan bagi memenuhi impian semua terutama penyokong terutama prestasi pasukan dan pemain yang meningkat, .

"Saya sasarkan paling kurang kita boleh sampai ke perlawanan akhir Piala Malaysia.

"Walaupun ramai memberikan tanggapan negatif pada awal Liga Super dan permulaan saingan piala ini tetapi kita buktikan pada tahap ini prestasi pasukan sangat baik," katanya kepada Selangor Kini, pada 19 Oktober lalu.

Beliau yang juga Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, berkata fokus pemain dan beberapa

faktor lain mampu mempengaruhi keputusan perlawanan dalam merebut piala seperti itu.

"Antara faktornya adalah pengurusan dan nasib, maka kita cuba sedaya upaya dalam ruang lingkup yang ada bagi memastikan pasukan berada dalam keadaan baik sama ada pengurusan, kejurulatihan dan semangat pasukan," katanya.

Katanya, Red Giants lebih awal layak ke suku akhir boleh merancang dengan lebih rapi dalam menghadapi saingan seterusnya.

"Dengan kekuatan yang ada, kita yakin untuk meneruskannya," katanya.

Dalam perlawanan di Stadium Shah Alam, 17 Oktober lalu, Selangor mengalahkan T-Team 2 - 1 menjadi pasukan pertama layak ke suku akhir dan mengungguli Kumpulan C.

Perlawanan seterusnya adalah menentang Felda United di Stadium Majlis Perbandaran Selangor, pada 31 Oktober ini.

Piala Malaysia adalah sain-

“

Saya sasarkan paling kurang kita boleh sampai ialah ke perlawanan akhir Piala Malaysia. Walaupun ramai memberikan tanggapan negatif pada awal Liga Super dan permulaan saingan piala ini tetapi kita buktikan pada tahap ini prestasi pasukan sangat baik

AMIRUDIN SHARI
Pengurus Red Giants

gan berprestij bola sepak tempatan dan Red Giants berjaya mengunggulinya 32 kali dan kali terakhir merangkul gelaran juara, pada 2005.

Tabung Amanah Pembangunan Belia Pembangunan berterusan generasi muda

SERDANG - Kewujudan Tabung Amanah Pembangunan Belia di Selangor berjalan lancar selain usaha giat penambahbaikan dilakukan bagi memastikan pembangunan berterusan generasi muda.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata pembangunannya dibuat menggunakan rezab diperuntukkan sejak beberapa tahun lalu.

"la kita gunakan melalui program pengajian belia dalam kerjaya di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pada peringkat pertama tahun ini selesai.

"Bagi tahun hadapan, kita akan memasukkannya dalam perancangan," katanya kepada Selangor Kini,

pada 19 Oktober lalu.

Di samping itu, beliau berkata pihaknya sedang merangka beberapa kemudahan untuk golongan muda dan belia dapat digunakan menggunakan tabung berkenaan.

Sebelum ini, Amirudin berkata, memang ada peruntukan pembangunan anak muda dan pihaknya sedia meneliti cadangan mewujudkan tabung berkenaan tetapi yang penting bagaimana ia dimanfaatkan untuk program itu.

Cadangan terbabit dibuat Adun Hulu Kelang, Saari Sungib, memabitkan sukan, seni dan budaya supaya etiap segmen anak muda lebih berkembang dengan pembabitan pelbagai pihak.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
23 - 30 OKTOBER 2015							
10 - 17 MUHARAM 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Jumaat	5:31	5:41	6:58	1:00	4:19	7:00	8:10
24 Sabtu	5:31	5:41	6:58	1:00	4:19	7:00	8:10
25 Ahad	5:30	5:40	6:58	1:00	4:19	6:59	8:10
26 Isnin	5:30	5:40	6:58	1:00	4:19	6:59	8:09
27 Selasa	5:30	5:40	6:58	1:00	4:19	6:59	8:09
28 Rabu	5:30	5:40	6:58	1:00	4:19	6:59	8:09
29 Khamis	5:30	5:40	6:58	1:00	4:19	6:59	8:09
30 Jumaat	5:30	5:40	6:58	1:00	4:19	6:58	8:09
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Jumaat	5:33	5:43	7:00	1:02	4:21	7:02	8:12
24 Sabtu	5:33	5:43	7:00	1:02	4:21	7:02	8:12
25 Ahad	5:32	5:42	7:00	1:02	4:21	7:01	8:12
26 Isnin	5:32	5:42	7:00	1:02	4:21	7:01	8:11
27 Selasa	5:32	5:42	7:00	1:02	4:21	7:01	8:11
28 Rabu	5:32	5:42	7:00	1:02	4:21	7:01	8:11
29 Khamis	5:32	5:42	7:00	1:02	4:21	7:01	8:11
30 Jumaat	5:32	5:42	7:00	1:02	4:21	7:00	8:11



HURAH SELANGOR

JOB VACANCY

COMPUTER PROGRAMMER

REQUIREMENTS

- Degree/diploma in computer science or related field
- Knowledge in JAVA, IIS, Database Development, Database Configuration, Windows Server Setup and Configuration, Linux, Networking Configuration
- Familiar in NET, ASPNET, PHP, MSSQL, MySQL
- Based in Shah Alam

kindly please email your resume to:
hrhijrahselangor@gmail.com

CLOSING DATE
30 OCTOBER 2015

Para pelumba motor professional memulakan aksi perlumbaan dalam saingan Pusingan ke-8 Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia Petronas bertempat di Malaysia Agro Exhibition Park (MAEPS) Serdang.



Tingkat mutu sukan permotoran

Bina litar lumba di Kuala Selangor

OLEH HAFIZAN TAIB

SERDANG - Sukan permotoran di Selangor mengalami perubahan dengan siapnya pembinaan litar lumba di Kuala Selangor.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata litar lumba dibina sejak beberapa tahun lalu itu diharap meningkatkan mutu sukan dan melahirkan bakat baharu.

"Tahun ini sahaja kita peruntukan RM100,000 untuk menaik taraf dan kemudahan di litar lumba berkenaan dan tahun hadapan mungkin ditambah lagi untuk memastikan ia dapat digunakan.

"Ia pastinya akan membantu serta mengatasi masalah sosial dan dalam masa sama memberi peluang kemajuan sukan permotoran," katanya kepada Selangor Kini, pada 19 Oktober lalu.

Amirudin berkata, pihaknya mengalu-alukan perlumbaan seperti Kejuaraan Cub Prix AAM Malaysia Petronas diadakan di Selangor kerana ia banyak membantu memajukan sukan dan mem-



buka penyertaan kepada pelumba dengan cara lebih sihat.

Malah, katanya, Selangor sendiri mengorak langkah dengan menganjurkan Selangor Motor Race pada 2011, 2012 dan 2013.

"Program mingguan seperti latihan yang dibuat di litar itu dalam kalangan peminat dan pihak berkenaan. Diharap kita boleh mempertingkatkan program dengan kerjasama kementerian dan pelbagai pihak lain," katanya.

Nasib pelumba Orang Asal diberi perhatian

SERDANG - Nasib pelumba berbakat OA Racing Team, Abdul Affendi Hadi dan Aizil Azri Hadi bakal berubah apabila isu penajaan diatasi dalam masa terdekat.

Exco Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata beliau maklum akan perkara dan usaha sedang dilakukan supaya boleh diselesaikan demi masa hadapan dua pelumba adik-beradik Orang Asal itu.

"Kita faham perkara itu. Saya perlu bertemu dengan pelumba dan keluarganya mungkin dalam satu atau dua minggu ini.

"Ia untuk selesaikan masalah dan kita harap dapat membawa mereka ke peringkat lebih tinggi," katanya kepada Selangor Kini, pada 19 Oktober lalu.

Difahamkan, pasukan OA Racing Team diwakili Abdul Affendi, 18, dan adiknya, Aizil Azri, 13, menghadapi masalah penajaan bagi meneruskan penyertaan dalam perlumbaan.

Abdul Affendi selaku pelumba utama pasukan berpangkalan di Kampung Bukit Tandom, Banting itu membuktikan kemampuannya dengan catatan empat kemenangan podium pada Malaysia Cub Prix tahun lalu.

Namun ekoran masalah itu, penunggang jentera Honda 115 sekadar menyertai tujuh daripada 10 pusingan keseluruhan dan berjaya menduduki tempat keempat secara keseluruhan.